

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGGAL KEEMPAT  
*Fourth Session*  
MESYUARAT PERTAMA  
*First Meeting*

Jilid IV Bil. 3 Hari Khamis 14 Mei 1998

## KANDUNGAN

## PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Ucapan Takziah Atas Kemangkatan Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah Ibni Al-Marhum Tuanku Al Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Sultan Terengganu Darul Iman Pada 14 Mei 1998. (Ruangan )
  - Perutusan Daripada Dewan Rakyat. (Ruangan )

## **URUSAN MESYUARAT** **(Ruangan )**

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan )

USUJI

- Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
- Y.B. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Ruangan )

**PARLIMEN KESEMBILAN  
 PENYATA RASMI PARLIMEN  
 DEWAN NEGARA  
 Mesyuarat Pertama  
 Penggal Keempat  
 AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,  
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K.,  
D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,  
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum  
(Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P.  
(Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M.  
(Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P.  
(Melaka)

- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato’ Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I.,  
A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K.,  
J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)  
 “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K.,  
 J.P. (Dilantik)  
 “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)  
 “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)  
 “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)  
 “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K.  
 (Perak)  
 “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)  
 “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l  
 Muthandi (Dilantik)  
 “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)  
 “ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)  
 “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)  
 “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)  
 “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)  
 “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)  
 “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T.  
 (Dilantik)  
 “ Puan Tan Ah Eng (Johor)  
 “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)  
 “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)

- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ A.M.S. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K.,  
(Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ P.J.K., Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M.,  
J.P. (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**  
**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara/  
Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen: Abdullah bin Abdul Wahab

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Salamat

Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah

## **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen:  
Yusop,  
Hajah Shamsiah binti Mohd.  
P.P.N.  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

# **PELAPOR PERRAHASAN PARLIMEN**

Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutualib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**KHAMIS, 14 Mei 1998**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**  
**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**  
**UCAPAN TAKZIAH**  
**DI ATAS KEMANGKATAN SULTAN MAHMUD AL MUKTAFI**  
**BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM TUANKU AL SULTAN ISMAIL**  
**NASIRUDDIN SHAH, SULTAN TERENGGANU DARUL IMAN**  
**PADA 14 MEI 1998**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sedihnya saya maklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah ibni Al-Marhum Tuanku Al Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Sultan Negeri Terengganu Darul Iman telah mangkat pada 14 Mei 1998 pada pagi ini di Singapura. Saya bagi pihak Majlis Dewan Negara mengucapkan takziah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultanah Terengganu Darul Iman dan kerabat Diraja. Dengan ini saya dengan hormatnya memohon Ahli-ahli Yang Berhormat bangun dan bertafakur selama satu minit dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam akan menghadiahkan Al-Fatihah kepada roh Almarhum.

*[Majlis bertafakur selama satu minit dan ahli-ahli yang beragama Islam menghadiahkan Al-Fatihah]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk.

## **PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“13 Mei 1998

### **Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 1998;
2. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1998;
3. Rang Undang-undang Cukai (Pindaan) 1998;
4. Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998; dan
5. Rang Undang Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Pindaan) 1998.

Yang ikhlas

t.t.

**YANG DI PERTUA DEWAN RAKYAT”**

## **URUSAN MESYUARAT**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie**

**bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan yang dibacakan kali yang kedua dan ketiga di mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

## **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

## **WARGA TUA TERCICIR DARIPADA KELUARGA - BILANGAN**

1. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan berapakah bilangan jumlah warga tua di negara ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka, khasnya warga tua yang tercicir daripada keluarga.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany, berdasarkan kepada anggaran bilangan penduduk negara yang terkini, bilangan warga tua 60 tahun ke atas adalah dianggarkan seramai 1.2 juta atau 5.9 peratus dari jumlah penduduk keseluruhannya.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang telah lama menganggap warga tua sebagai salah satu kumpulan sasaran kementerian dan telah menyediakan berbagai perkhidmatan demi kebajikan dan kebahagian mereka sejak dahulu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah memperkuatkannya lagi komitmen kerajaan terhadap warga tua, pada bulan Oktober 1995, kerajaan telah meluluskan Dasar Warga Tua Kebangsaan bagi menjamin martabat warga tua di negara ini terpelihara. Kementerian ini akan bertanggungjawab sebagai penyelaras pelaksanaan dasar tersebut, telah menujuhkan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Tua Kebangsaan dan kini sedang menyediakan satu Plan Tindakan Warga Tua Negara yang melibatkan semua lapisan masyarakat dan semua sektor pentadbiran yang berkaitan.

Untuk memberi kesedaran sosial khususnya di kalangan generasi muda, dan ahli keluarga, kementerian telah menjalankan berbagai program dan aktiviti supaya kehidupan warga tua tidak diabaikan oleh ahli keluarga mereka sendiri. Di antaranya termasuk Kempen Masyarakat Penyayang; Sambutan Hari Warga Tua Kebangsaan pada 1 Oktober setiap tahun sejak 1992; menggalakkan generasi muda melibatkan diri dalam berbagai aktiviti atau perkhidmatan kepada warga tua serta usaha-usaha yang lain.

Bagi warga tua yang menghadapi masalah kemiskinan, kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan bantuan bulanan di bawah Skim Bantuan Orang Tua, dengan kadar RM70.00 sebulan seorang. Sepanjang tahun 1997 peruntukan sebanyak RM8.6 juta telah dibelanjakan untuk faedah 12,295 orang warga tua. Bagi mereka yang tidak berkesempatan untuk terus tinggal bersama keluarga, perkhidmatan institusi warga tua disediakan.

Hingga kini Kementerian sedang mentadbirkan 9 buah institusi tersebut di seluruh negara yang dikenali sebagai Rumah Seri Kenangan dengan kemudahan tempat tinggal kepada 2,550 orang warga tua. Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak juga mentadbirkan 5 buah institusi bagi tujuan yang sama untuk keperluan 600 orang warga tua.

**Tuan N. Marimuthu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kriteria untuk iktiraf golongan warga tua. Bolehkah golongan miskin mendapatkan bantuan subsidi melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, kerana kenaikan harga barang-barang pada masa kini. Adakah Kementerian akan mempertimbangkan perkara ini?

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, kriteria yang dipakai untuk mentakrifkan umur warga tua ialah 60 tahun. Ini selaras dengan negara-negara ASEAN yang lain dan juga dengan ‘World Assembly On Ageing’ yang diadakan pada tahun 1982 di Vienna. Mnengenai cadangan untuk meningkatkan bantuan yang diberi kepada warga tua, bantuan ini mestilah dilihat dari segi ianya bantuan juga dan bukan ‘allowance’ ataupun gaji dan saya ingat pada dua tahun lalu, kita sudah meningkatkan bantuan ini dari RM50.00 ke RM70.00 dan pada masa sekarang kita tidak ada cadangan untuk menambahkan bantuan ini dari kadar itu. Terima kasih.

**Dato’ Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. “Pelelah di bawah jatuh, pelelah di atas jangan ketawa”. Tuan Yang di-Pertua, warga tua dan orang-orang yang sudah pencer, 55 ke atas dan 65 ke atas telah banyak memberi sumbangan kepada negara. Sekali lagi saya bawa di sini, dalam soalan saya, tidakkah kerajaan terfikir untuk memberi tambang percuma kepada warga tua dan yang berpencen 55 tahun ke atas untuk menaiki bas, LRT dan kereta api? Yang keduanya, berkenaan kapal terbang, warga tua yang pencer termasuk Yang Berhormat-Yang Berhormat yang sudah meningkat umur sedikit, kalau kita hendak naik kapal terbang, kita kena beri satu minggu tempoh supaya ada tempat kosongkah atau tak ada tempat kosong. Kita tak boleh tunggu ambil tiket terus pergi, tak ada. Jadi, kita kena tunggu dulu. Jadi, ini menyusahkan orang-orang tua, dahlah tua, minta maaf, temperaturenya naik lagi, .....[Ketawa]. Ingat nak jumpa cucu, tiba kapal terbang kata dah tak muat, dah penuh, besok pula, baliklah orang tua. Jadi, tidakkah kerajaan terfikir ini. Ini satu perkara yang patut lama kita fikirkan, patut bagilah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan G. Palanivel:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi ialah satu cadangan yang baik, tetapi sebab Malaysia Airlines System ialah satu syarikat swasta dan lain-lain syarikat pengangkutan, kementerian akan membawa cadangan ini kepada mereka. Terima kasih.

**Tuan Ibrahim bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, sebentar tadi Yang Berhormat berkata warga tua di dalam Malaysia 1.7.juta. Saya hendak tahu pecahan mengikut negeri dan berapakah pecahan lelaki perempuan mengikut negeri. Terima kasih.

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka membuat sedikit pembetulan, bukan 1.7 juta, 1.2 juta dan untuk angka-angka tersebut, jika perlu saya beri secara bertulis. Terima kasih.

#### **TUNGGAKAN HASIL - JUMLAH PUNGUTAN MELALUI TINDAKAN SIVIL**

2. **Dato' Charern Intachat** minta Menteri Kewangan menyatakan sehingga sekarang berapakah bilangan kes sivil yang telah diambil oleh Pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk mendapatkan kembali tunggakan hasil dan berapakah jumlah tunggakan hasil yang dapat dipungut semula melalui tindakan sivil ini dalam tahun 1996, 1997 dan tahun ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan sivil hanya merupakan salah satu daripada tindakan yang diambil oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dalam usaha untuk memungut balik tunggakan hasil, di samping tindakan secara gesaan ataupun rundingan dan lain-lain. Sebanyak 16 kes telah difailkan di mahkamah di dalam tahun 1996, dari jumlah ini dua kes yang melibatkan tunggakan hasil berjumlah RM186,026.45 telah pun mendapat penghakiman. Baki 14 kes masih lagi dalam tindakan mahkamah. Bagi tahun 1997, sebanyak dua kes telah difailkan, satu kes telah pun dapat penghakimannya yang melibatkan tunggakan hasil RM79,534.99, manakala baki satu kes lagi, masih dalam tindakan mahkamah. Bagi tahun 1998 pula, sehingga sekarang tiada kes telah difailkan.

**Dato' Charern Intachat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tunggakan hasil di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja ialah sebanyak RM162 juta dan setahu saya, Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mendapatkan kembali tunggakan hasil di Lembaga tersebut dengan cara tindakan-tindakan sivil. Mengapa pula Jabatan Kastam dan Eksais Diraja suka sangat mengambil tindakan sivil ini.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, lain-lain tindakan untuk memungut balik tunggakan hasil adalah seperti berikut:

- (i) tuntutan melalui cagaran;
- (ii) menahan barang ataupun kita sita;
- (iii) membuat gesaan membayar secara sekali gus ataupun ansuran;
- (iv) pengesanan melalui agensi-agensi lain;
- (v) menyiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan;
- (vi) merampas dagangan;
- (vii) tahan ke luar negeri;
- (viii) menetapkan kaveat pendaftar tanah kepunyaan siberhutang;
- (ix) menuntut tunggakan daripada orang yang berhutang dengan pelesen; dan

(x) tindakan jenayah.

Jadi, tindakan-tindakan melalui agensi-agensi lain juga seperti mana Yang Berhormat katakan tadi itu diperbuat.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pihak kastam menggunakan khidmat bank bagi mengambil hasil yang dipungut oleh Kastam?

**Dato' Dr. Hj Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, dahulu ada satu peristiwa di mana apabila pegawai kastam memungut hasil dan membawanya sendiri ke bank, telah disamun mengakibatkan ada yang meninggal dan yang lain cedera parah. Jadi, oleh kerana itu, pihak kerajaan telahpun meminta pihak bank mengambil sendiri hasil yang dipungut oleh pihak kastam di stesen-stesen tertentu dan pihak bank telah menggunakan security firm untuk mengambil hasil yang berkenaan dan oleh kerana itu risiko mengenai rompakan itu tergantung kepada bank yang berkenaan. Setakat ini kita ada tiga bank yang menjalankan khidmat seperti ini, pertama RHB, kedua PHB, dan ketiga BBMB.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebahagian daripada pendapatan negara adalah melalui hasil daripada cukai barang-barang import. Dalam kita menghadapi kegawatan ekonomi pada masa ini, galakan tidak diberi kepada import barang-barang daripada luar dan dalam masa yang sama syarikat-syarikat juga tidak mampu lagi untuk mengimport barang dari luar oleh kerana nilai mata wang kita rendah berbanding dengan nilai mata wang daripada setengah-tengah negara yang lain. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, setelah kita menghadapi kegawatan ekonomi, sejauh manakah kesan kepada kekurangan pendapatan kita daripada import daripada luar negara dan apakah alternatif ataupun apakah strategi-strategi kerajaan untuk mengatasi ataupun untuk menggantikan pendapatan kita daripada cukai import tersebut. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga dan membaik pulih kegawatan ekonomi buat masa ini, salah satu caranya ialah untuk mengurangkan import dan menggalakkan eksport. Jadi, apabila kita mengurangkan import seperti kata Yang Berhormat tadi, kita tidak akan dapat cukai. Jikalau kita menggalakkan eksport, cukai eksport dapat kita ambil. Walau bagaimanapun, buat setakat ini kita sedang menyelidik di Kementerian Kewangan, sedang pun mendapatkan maklumat-maklumat mengenai pungutan hasil kita daripada Hasil Dalam Negeri, daripada Kastam dan daripada pungutan-pungutan hasil lain. Dan kita akan dapat melihatnya nanti setelah kita mengumpulkan pungutan-pungutan ini. Pada jangkaan saya, pungutan hasil daripada Kastam akan berkurangan.

#### **HAKMILIK TANAH ORANG ASLI - KELUASAN**

3. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan keluasan tanah yang dimiliki atau diusahakan oleh Orang Asli mengikut negeri. Berapa ramaikah Orang Asli yang telah diberikan hakmilik dan keluasannya. Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak Kementerian bagi memastikan Orang Asli yang berhak diberikan hak milik.

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Mohd. Zuki Kamaluddin, jumlah keluasan tanah yang dimiliki atau yang diusahakan oleh Orang Asli mengikut negeri adalah seperti berikut:

**NEGERI**

**KELUASAN /HEKTAR**

Perak	...	1.26
Pahang	...	85.32
Kelantan	...	1.66
Terengganu	...	39.0
Selangor dan Wilayah Persekutuan ...	6.12	
Johor	...	19.12
Negeri Sembilan	...	12.57
Melaka	...	1.61

**Jumlah: 166.66**

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian memang prihatin dan sentiasa memperjuangkan agar Orang Asli diberikan hakmilik tanah bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Pelbagai usaha telah dijalankan dan antaranya ialah Yang Berhormat Menteri, kementerian ini telah mengadakan perjumpaan dengan Yang Berhormat Menteri-Menteri Besar Selangor, Pahang, Kedah dan Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat, di Negeri Pahang misalnya, sejumlah 55 buah kawasan penempatan tersusun orang asli telah disiapkan, pelan teratur oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Bagi tiap-tiap kawasan penempatan tersebut Orang Asli akan diberi hakmilik seluas  $6\frac{1}{4}$  ekar iaitu  $\frac{1}{4}$  ekar untuk kawasan rumah dan 6 ekar untuk kebun.

Di negeri-negeri Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Kelantan, Melaka dan Perak pula, kerajaan-kerajaan negeri berkenaan sedang mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk memberikan hakmilik tanah kepada masyarakat Orang Asli yang terdapat di negeri masing-masing. Sekian, terima kasih.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan jumlah luas hektar iaitu 166.66 hektar yang dimiliki oleh Orang Asli, sedangkan sebagaimana yang kita maklum, penduduk Orang Asli di negara kita hampir 100,000 atau 92,529 orang. Jadi apakah nisbah pemilikan tanah ini dilihat adil oleh kerajaan dan apakah rancangan yang segera, yang harus dilaksanakan oleh kerajaan khususnya kerajaan-kerajaan negeri supaya masalah pemilikan tanah kepada Orang-Orang Asli ini dapat diperluaskan.

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebut dalam jawapan tadi kementerian ini adalah dalam perbincangan dengan Menteri-menteri Besar negeri-negeri tersebut mengenai hal ini.

**Tuan Long bin Jidin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum keadaan sekarang kita dapati bahawa memang Orang Asli kekurangan Tanah dan Pembangunan Koperasi, tetapi adakah kementerian sedar dalam keadaan ini pula ada pihak-pihak yang mengeksplotikan tanah Orang Asli untuk kepentingan mereka. Adakah kementerian tahu atas perkara ini?

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian memberi banyak perhatian kepada isu ini dan akan mengawasinya serta memberi jaminan di Dewan yang mulia ini. Kementerian juga akan memberi perhatian yang serius terhadap eksplotasi mana-mana pihak terhadap Orang Asli. Kalau Yang Berhormat ada apa-apa maklumat boleh menyampaikan maklumat itu kepada kementerian.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya soalan tambahan sebab soalan asal saya ada kemusykilan sedikit. Sebelum saya meneruskan

soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sampai masanya istilah ‘Orang Asli’ ini adalah memberi satu ‘stigma’ dan dengan secara tidak langsung secara psikologinya menyekat pembangunan Orang-orang Asli. Oleh itu istilah ‘Orang Asli’ ini kita tukarkan. Misalannya kita tukar, umpamanya Laksamana Bentankah, sebab Laksamana Bentan suami kepada Dang Ayu yang telah pun dihukum mati oleh Sultan Mahmud di Melaka sebab makan buah nangka. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memanjangkan kisah Orang Asli ini, banyak cerita, kalau hendak bolehlah berjumpa dengan Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin, minta maaf Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin.

Saya hendak bertanya bagaimana kita hendak mengklasifikasi tanah Orang Asli ini, adakah tanah ini tanah kekal, adakah tanah ini tanah pajak, sebab ini saya punya kawasan, dalam lingkungan 50 batu ini, saya punya kawasan, mengikut satu puaklah, sebab komuniti atau puak-puak Orang Asli ini banyak sangat, beratus-ratus puaknya. Nama Negrito, Senoi, Proto Malay atau Melayu asli. Jadi bagaimana kita mengklasifikasi tanah-tanah Orang Asli ini. Tadi sebut ekar sahaja, tidak sebut jenis tanah, supaya saya dapat tahu.

**Tuan G. Palanivel:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai terminologi untuk Orang Asli ini adalah satu hal berkenaan dengan Orang Asli dan hal ini boleh dipertimbangkan jika Orang Asli menimbulkan masalah ini atau melalui senator mereka. *[Ketawa]* Dato' Haji Mohd. Zuki bukan Orang Asli, *[Ketawa]* kalau saya terima cadangan dia, susah. Kalau cadangan itu disampaikan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Asli Pahang!

**Tuan G. Palanivel:** Asli Pahang. *[Ketawa]* Dan untuk menjawab soalan kedua dalam soalannya, selain daripada tanah yang diberi hak milik oleh kerajaan, tanah-tanah yang diduduki oleh Orang Asli adalah seperti berikut:

- Tanah Orang Asli yang diwartakan sebagai rizab Orang Asli jumlahnya ialah 19,507.42 hektar.
- Tanah Orang Asli yang telah diluluskan tetapi belum diwartakan ialah 28,932.27 hektar.
- Tanah Orang Asli yang telah dipohon ialah 78,975.56 hektar.
- Tanah yang didiami oleh Orang Asli tanpa permohonan rasmi ialah 5,664.55 hektar.
- Jumlah hektar tanah yang diduduki oleh Orang Asli ialah 133,079.80 hektar.

#### NGO YANG MENERIMA BANTUAN KEWANGAN PADA TAHUN 1997- BILANGAN

4. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bilangan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) yang menerima bantuan kewangan pada tahun 1997 dan senarai jumlah bantuan yang diluluskan kepada mereka.

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam bilangan NGO dan jumlah bantuan kewangan yang diterima mengikut kementerian, jabatan, agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pada tahun 1997, bilangan NGO ialah 2,006 dan jumlah yang diperuntukkan kepada mereka ialah RM20,218,000.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu NGO yang ada bukan sahaja menjalankan aktiviti dalam negara tetapi juga ada NGO yang juga mempunyai kaitan dengan luar negara sama ada sebagai cawangan ataupun affiliate members, dengan izin. Soalan saya

ialah, adakah kerajaan atau kementerian sedar bahawa badan-badan yang berkaitan dengan negara mendapat bantuan dari luar negara sama ada dalam bentuk penyelidikan (research), dan sebagainya, dan juga untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu. Jika kementerian sedar apakah jenis kawalan yang wujud untuk mengawal kemasukan wang dan juga mungkin aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh counterpart, dengan izin, NGO di luar negara.

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, semua NGO di bawah jagaan kementerian adalah NGO yang berkenaan dengan kumpulan sasaran kementerian dan setakat mana yang kementerian tahu tidak ada NGO yang terlibat di luar negara yang diberi bantuan oleh kementerian ini. Dan sebab itu kalau Yang Berhormat ada apa-apa maklumat berkenaan dengan NGO-NGO atau badan-badan bukan kerajaan yang mendapat bantuan dari kementerian dan juga bantuan dari luar negara, tolong berikan maklumat itu kepada kementerian.

**Puan Sri Sarasa Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut berita dalam surat khabar baru-baru ini terdapat NGOs yang menyalahgunakan wang peruntukan dan juga memberi maklumat palsu kepada media asing. Adakah NGO-NGO ini dapat peruntukan, adakah NGO ini dikenal pasti dan kalau ya apakah tindakan yang akan diambil terhadap badan-badan NGO yang tidak berpatriotik itu?

**Tuan G. Palanivel:** Mengenai menyalahgunakan wang atau geran yang diberi oleh kementerian, kalau kementerian dapat maklumat yang tepat, kementerian boleh mengambil tindakan. Tetapi sehingga kini kementerian tidak dapat maklumat seperti itu dan semua geran diberi atas perjanjian ataupun Memorandum of Understanding yang ditandatangani oleh dua pihak iaitu kementerian dan badan bukan kerajaan yang berkenaan. Dan mengenai NGO-NGO yang mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang tidak berpatriotik NGO-NGO tersebut tidak di bawah jagaan kementerian ini.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada 2006 NGO yang terdapat di seluruh negara, adakah sebarang ganjaran ataupun apa juga bentuk penghargaan diberikan oleh kementerian kepada NGO-NGO yang aktif dan berapakah jumlah NGO yang terdapat di negeri Sabah dan Sarawak?

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini bukan dalam satu situasi di mana kita boleh memberi penghargaan seperti PJK, AMN atau KMN untuk badan-badan bukan kerajaan ini yang begitu memberi sumbangan kepada negara dan masyarakat tetapi kementerian boleh menerima cadangan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tahu mana-mana badan NGO yang difikirkan perlu mendapat penghargaan, Yang Berhormat boleh memberikan nama NGO-NGO tersebut kepada kementerian, sebab ini semua soalan umum dan saya pun jawab umum. Saya suka Yang Berhormat ulang soalan yang kedua, saya sudah lupa. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang saya tanya tadi, ada NGO yang mendapat bantuan daripada kerajaan tetapi tidak begitu aktif, daripada memberikan mereka bantuan lebih baik beri bantuan kepada NGO-NGO yang aktif membantu kerajaan.

Soalan yang kedua, berapakah jumlah NGO yang terdapat di setiap negeri terutama di Sabah dan Sarawak.

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada NGO yang menerima bantuan dari kementerian ini yang tidak aktif, semua badan bukan kerajaan yang menerima bantuan dari kerajaan ini, sangat aktif dan sebab itu juga kita beri dia geran. Kalau ia tidak aktif, kita tidak berikan geran kepada dia atau apa-apa bantuan kewangan.

Mengenai Sabah dan Sarawak, saya tidak ada butir-butir tersebut di sini saya akan beri jawapan secara bertulis.

**MAJLIS AIR NEGARA - MENGATASI  
MASALAH AIR DI MUSIM KEMARAU**

5. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) adakah Majlis Air Negara akan dapat mengatasi masalah air di negara ini terutama di musim kemarau seperti sekarang ini; dan
- (b) kilang-kilang yang berdekatan dengan mana-mana sungai akan diminta mengikut undang-undang memberhentikan operasi mereka dengan serta-merta.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jafrey]:** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara fungsi Majlis Air Negara adalah bagi menyediakan plan induk dan merancang pembangunan sumber air di peringkat kebangsaan, wilayah dan juga kawasan. Di samping itu Majlis akan menentukan pengagihan sumber air untuk pelbagai penggunaan dan menentukan keutamaan semasa kecemasan seperti kemarau. Dengan adanya pembangunan sumber air yang terancang dan penentuan keutamaan bekalan air semasa kecemasan, adalah dijangkakan masalah air di negara kita terutama pada musim kemarau akan dapat di atasi ataupun dikurangkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Majlis Air Negara tidak akan mengambil alih kuasa-kuasa kerajaan negeri di dalam hal yang berkaitan dengan pengurusan dan pengawalan sumber air. Oleh yang demikian, kejayaan bagi melaksanakan rancangan Majlis Air Negara, akan juga bergantung kepada komitmen dan kerjasama dari kerajaan-kerajaan negeri.
- (b) untuk makluman Ahli Yang Berhormat kelulusan penempatan kilang-kilang berdekatan sungai adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Keputusan penempatan kilang-kilang tersebut dibuat berdasarkan ulasan dan pandangan jabatan-jabatan atau agensi kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Parit dan Saliran, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan. Kelulusan diberi dengan syarat-syarat tertentu seperti operasi kilang-kilang tersebut tidak mencemarkan sungai-sungai berhampiran dan sebagainya. Sekiranya operasi kilang-kilang di tepi sungai

mencemarkan sungai maka Jabatan Alam Sekitar boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas pemilik kilang tersebut. Kerajaan negeri juga boleh mengambil tindakan untuk membatalkan operasi kilang-kilang berkenaan kerana melanggar syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat sedar, baru-baru ini di Kelantan ada sembahyang hajat, istisqa', memohon hujan yang dibuat oleh PAS iaitu Kerajaan PAS Kelantan. Di mana di dalam khutbah Menteri Besar Kelantan, beliau mengatakan bahawa hujan ini tidak turun, airnya kurang oleh kerana bala dari Allah S.W.T, kerana kononnya kerajaan kita ini mengamalkan dasar sekular. Jadi apakah dakwaan ini benar dan apakah yang menyebabkan air ini kurang di Kelantan sebelum berlaku di peringkat kerajaan pusat. Bolehkah Yang Berhormat jelaskan apakah niat dan tujuan yang dilafazkan oleh Menteri Besar Kelantan dengan mengatakan bahawa hujan ini tidak turun kerana bala dari Allah S.W.T, melalui sembahyang istisqa', sembahyang hajat, yang dibuat oleh Kerajaan PAS Kelantan.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, ini susah hendak dijawab. Sebab kalau kita sembahyang hajat kepada Allah S.W.T minta supaya hujan turun, alhamdulillah, kadang-kadang dimakbulkan dan kadang-kadang tidak. Jadi kalau dia tuduh kerana ini bala yang berlaku kerana ada perkara-perkara yang tidak betul, itu di luar dugaan kita, di luar kuasa kita. Jadi lain dari itu tidaklah saya tahu.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, kita baru-baru ini menghadapi masalah kekurangan air dan air ini selalunya kita dapati dari empangan ataupun kawasan-kawasan penyimpanan air dan kita juga dapati baru-baru ini di muka-muka akhbar telah pun menyatakan bahawa kawasan-kawasan tadahan air (catchment area) ini di sekelilingnya telah diterokai untuk tujuan pembalakan dan ada juga untuk tujuan pembinaan rumah-rumah, hotel-hotel dan juga untuk rumah-rumah rehat sebagaimana berlaku di Empangan Pedu dan Muda. Perkara ini pernah saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini pada tahun yang lalu.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan kenapa kawasan-kawasan tadahan ini tidak dijadikan kawasan 'protected area' dengan izin, ataupun kawasan-kawasan yang dikawal. Setahu saya sekarang ini tanah-tanah di sekeliling kawasan tadahan-tadahan ini disimpan ataupun dijadikan sebagai kawasan hutan simpan di bawah Jabatan Hutan, tidakkah kerajaan bercadang untuk menggazetkan kawasan-kawasan ini sebagai kawasan 'catchment area' supaya tidak ada pembangunan yang dibuat di kawasan sekeliling ataupun sekitar kerana penebangan-penebangan pokok akan

menyebabkan ‘water table’ ataupun paras air di dalam bumi akan menurun dan dengan ini akan menimbulkan masalah kemarau yang kita hadapi sekarang ini selain daripada hujan tidak turun daripada langit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, kuasa air dan kuasa tanah ialah di bawah kerajaan negeri. Itulah sebabnya tujuan kerajaan untuk menubuhkan Majlis Air Negara bagi menyelaraskan masalah-masalah yang kita lalui dalam beberapa bulan ini bagi melindungi keperluan-keperluan yang kita lihat baru-baru ini begitu banyak menjelaskan masyarakat ataupun rakyat pada keseluruhannya.

Memang kita galakkan seperti Selangor telah mengambil langkah bagi menggazetkan tempat-tempat tadahan sebagai kawasan larangan untuk pembangunan dan sebagainya. Jadi, selain daripada itu, memang kita galakkan kerajaan negeri supaya berbuat demikian, jadi satu daripada fungsi penubuhan Majlis Air Negara ialah bagi melindungi perkara-perkara Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi. Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Krisis air yang berlaku baru-baru ini sebenarnya bukan masalah kekurangan sumber air tetapi ialah masalah pengurusan air itu sendiri seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri itu tadi. Bagaimanakah, perkara ini hanya berlaku di Negeri Selangor, iaitu kawasan Lembah Klang yang pesat membangun sedangkan negeri-negeri lain tidak begitu teruk?

Adakah ini menunjukkan kecuaian pihak agensi ataupun kerajaan yang tidak mempunyai suatu perancangan program sepertimana Yang Berhormat sebutkan tadi, di antara tugas Majlis Air Negara ialah untuk merancang, untuk mengetahui keperluan semasa ke semasa? Jadi sama ada kerajaan dapat mengesan kehilangan air melalui kecurian, salah guna dan sebagainya? Setakat ini kita tengok seolah kerajaan tidak begitu memberi perhatian sehinggalah Timbalan Perdana Menteri memberi arahan, barulah pihak-pihak yang berkenaan kelam-kabut untuk mengambil tindakan.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, ini balik lagi soal kuasa air ini ialah kepada kerajaan negeri, kuasa negeri, Kerajaan Pusat tidak campur tangan, tetapi dengan penubuhan Majlis Air Negara ini kita hanya menasihat dan membantu di mana yang boleh. Mungkin ada kelemahan-kelemahan yang berlaku di sesebuah negeri yang menyebabkan bekalan air itu berkurangan dan kenapa ianya berlaku di negeri Selangor, mungkin disebabkan masalah yang sama.

Tetapi kalau kita lihat dari segi yang terdekat sekali, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan satu tempat yang mendapat sumber air yang sama. Itulah sebabnya apabila berlaku begini, ada cadangan dari kerajaan yang telah diluluskan pada dasarnya supaya sumber air/ pembekalan air di antara negeri Selangor dan Kuala Lumpur dipisahkan bagi mendapatkan ‘service’ yang lebih efisien dalam perkara ini.

Berhubung dengan kelemahan-kelemahan yang disebutkan tadi, memang Kerajaan Pusat, khasnya JKR, sedia memberikan pandangan-pandangan dan pendapat sama ada melalui Majlis Air Negara mahupun melalui ‘expert-expert’ yang berada di ibu pejabat sendiri berhubung dengan ‘management’ air di negeri-negeri termasuk di negeri Selangor. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato’ Haji Ahmad bin Ismail.

**Puan Tan Ah Eng:** Dengan izin, Soalan No. 6

#### **KENAIKAN HARGA UBAT – SENARAI BARANG KAWALAN**

6. **Puan Tan Ah Eng** [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah kementerian bercadang mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan untuk meletakkan pelbagai produk ubat-ubatan dalam senarai barang kawalan memandangkan kenaikan harga ubat sehingga 30 peratus sedangkan penurunan nilai Ringgit hanya 15 peratus.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak bercadang untuk meletakkan produk ubat-ubatan dalam senarai barang kawalan. Pengawalseliaan harga produk ubat-ubatan ketika ini dibuat oleh Kementerian

Kesihatan bagi kegunaan hospital-hospital di bawah kelolaan kementerian tersebut di mana keutamaan diberi kepada ubat-ubatan buatan tempatan. Walau bagaimanapun, kementerian ini dan Kementerian Kesihatan ada mengadakan perbincangan dari masa ke semasa untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang mengenai pemasaran ubat-ubatan di dalam negara. Sekianlah, terima kasih.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, apabila menyebut mengenai dengan penguatkuasaan terutama dari segi kenaikan harga barang, saya teringat 4 tahun yang lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menjanjikan akan menempatkan dua pegawai penguatkuasa untuk bahagian pedalaman di Keningau. Sehingga hari ini sudah 4 tahun lebih nampaknya perkara itu tidak menjadi kenyataan dan harga ubat-ubatan di pedalaman bukan sahaja 30% malah lebih daripada itu. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, penempatan pegawai di kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat atau membuka satu pejabat cawangan kementerian ini di kawasan yang disebut, masih dalam kajian oleh kerana secara dasar kementerian ini tidak ada halangan, hanya Kerajaan Pusat harus memberi persetujuan.

Dari segi harga produk ubat-ubatan yang dijual di kawasan itu adalah mahal atau dijual dengan harga yang tinggi, kementerian ini 100% tidak berkaitan dengan penguatkuasa ini. Sebenarnya harga barang ubat-ubatan naik atau turun adalah terpulang kepada ‘market forces’ iaitu keadaan permintaan dan bekalan. Jika Yang Berhormat memerlukan penguatkuasa, kementerian ini akan membuat pemeriksaan atau kalau Yang Berhormat boleh beri butir-butir yang spesifik mana kawasan yang menjual barang dengan harga yang terlalu tinggi, boleh maklumkan kepada kementerian ini atau kepada saya supaya penguatkuasa akan mengambil tindakan.

**Dato’ Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Akhir-akhir ini amat banyak sekali laporan dalam akhbar tentang pertelingkahan lidah di antara Yang Berhormat Menteri dengan persatuan pengguna. Saya ingin

mendapat penerangan yang lanjut, yang terang tentang strategi yang diambil oleh kementerian dari segi menangani masalah ini. Rakyat melihat persatuan pengguna mewakili rakyat, rakyat melihat kerajaan mewakili rakyat, mengapakah wakil rakyat yang satu yang rasmi, dengan wakil rakyat satu lagi yang tidak rasmi berbalahan begitu yang menghakis keyakinan rakyat. Saya harap perkara ini akan dapat diberi penerangan dan jika ada kelemahan pun hendaklah diambil tindakan segera untuk mententeram, mengamankan keadaan ini supaya keseluruhan pengguna akan meningkatkan tahap keyakinan terhadap kedua golongan wakil rakyat ini. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian ini telah meminta persatuan pengguna di seluruh negara memainkan peranan yang penting dan aktif. Memang benar kadangkala ada pandangan yang berlainan antara kementerian ini dengan persatuan pengguna tetapi ini bukan satu isu yang serius dan kementerian ini telah mengambil tindakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, besok kementerian ini akan mengadakan satu perbincangan dengan pihak persatuan pengguna dan segala isu-isu dan pertikaian akan dibincang dan diselesaikan pada perbincangan esok. Yang Berhormat Menteri kemudiannya akan membuat pengumuman.

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, adakah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memeriksa kedai-kedai, farmasi-farmasi untuk menyiasat sama ada pil-pil ataupun ubat menguruskan badan yang haram itu masih dijual di farmasi atau tidak, oleh kerana pil-pil itu boleh menguruskan badan orang gemuk, orang gemuk selalunya mengambil ubat itu, orang perempuan, kaum wanita pun macam itu juga, badannya gemuk jadi tidak payah ‘exercise’. Ini Dato’ Zukikhah - badannya cantik, tak payah ambil ubat. Jadi ada perempuan yang badannya gemuk, ia membuat ‘exercise’ pun

gemuk juga, jadi dia terpaksa mengambil ubat, makan ubat itu untuk menguruskan badan ataupun ‘keep fit’.

Baru-baru ini, di Seremban ada seorang gadis oleh kerana sudah makan ubat yang ‘keep fit’ itu, oleh kerana depression after taking the pills, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bahasa Inggeris campur sedikit-sedikitlah. *[Ketawa]* Jadi oleh kerana depression, gadis itu gantung diri sampai mati.

Dua puluh tahun dahulu, semasa saya menuntut di London, ini cerita lama, tetapi ini peristiwa yang baru, dalam newpaper, orang yang hendak menguruskan badan setelah makan ubat itu ulat dalam perut telah makan makanan kita. Pada hari ini, USA telah mengharamkan ubat-ubat yang menguruskan badan itu tetapi ubat-ubatan itu masih dijual di Malaysia yang menyebabkan kematian terutama kepada kaum yang gemuk. *[Ketawa]* Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon agar kementerian Yang Berhormat bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan, periksa semua kedai, farmasi di Malaysia dan kalau sesiapa menjual ubat yang haram itu, bawalah mereka ke mahkamah dan dihukum. Itulah sahaja soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *[Ketawa]*

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak ada soalan kerana Ahli Yang Berhormat mencadangkan apabila ubat yang haram atau ubat tiruan yang dijualkan dan sesiapa yang menjualkan ubat itu diambil tindakan dan mendakwa mereka ke mahkamah, jadi, itu satu cadangan dari Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyatakan bahawa kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi satu contoh iaitu kementerian ini sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas kedai-kedai yang

menjual ubat dan pemeriksaan ini adalah mendapat kerjasama dari pihak Kementerian Kesihatan dan di samping itu kita juga mendapat kerjasama dari pihak Polis Diraja Malaysia dan pemeriksaan sentiasa dijalankan. Jadi, ini tidak menjadi persoalan sama ada kerjasama di antara kedua-dua kementerian ini, jawapan saya sentiasa ada kerjasama.

Soalan mengenai ubat haram seperti pil menguruskan badan yang gemuk, ini semua adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan dan jika sebenarnya barang produk ubat-ubatan itu sebelum dijualkan di pasaran, mereka mestilah mendapat kebenaran dari Kementerian Kesihatan.

#### **GERAKAN DESA WAWASAN - PERBELANJAAN DAN KOS**

7. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan perbelanjaan dan kos program Gerakan Desa Wawasan semenjak dilancarkan serta apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam kegawatan ekonomi ini menjelaskan agenda GDW.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Program Gerakan Usaha Wawasan dilancarkan pada 4 Julai 1996, kerajaan telah membelanjakan peruntukan sejumlah RM20.7 juta, perbelanjaan tersebut meliputi pembiayaan Majlis Pelancaran Program di negeri-negeri sebanyak RM0.85 juta dan pelaksanaan pelbagai projek pembangunan di kampung-kampung Gerakan Desa Wawasan di seluruh negara sebanyak RM19.9 juta.

Sepertimana program pembangunan yang lain, kegawatan ekonomi yang melanda negara kita juga turut menjelaskan kemajuan pelaksanaan program GDW, berikutan dari langkah penjimatan dan pemotongan peruntukan belanjawan tahunan kerajaan. Walau bagaimanapun, kementerian ini akan sentiasa menentukan supaya jabatan dan agensi penyelaras GDW di peringkat negeri dan daerah

mempertingkatkan kecekapan pengurusan serta penggunaan sumber yang sedia ada secara optimum supaya program ini dapat terus menyumbang ke arah usaha-usaha kerajaan untuk memajukan masyarakat dan kawasan luar bandar.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada kementerian kerana nampaknya Gerakan Desa Wawasan ini telah membawa banyak perubahan kepada desa-desa di mana ianya dilancarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kalau boleh supaya penganugerahan dikategorikan kepada dua bahagian, satu untuk di luar bandar dan yang satu lagi yang berhampiran dengan bandar. Maksud saya sebagai contoh, Kampung Tudan Baru di Keningau, Sabah, Malaysia baru-baru ini telah mendapat tempat yang pertama, salah satu daripadanya, kemudian ia telah bersaing dengan sebuah desa yang jauhnya lebih kurang 105 batu daripada pekan Keningau iaitu di Kampung Selaram, Pensiangan, Nabawan, Keningau, Sabah.

Jadi, nampaknya kalau ini dibuat sebagai perbandingan, di situ kita pertandingkan antara Kampung Tudanbaru yang berhampiran dengan pekan Keningau dengan Kampung Selaram yang 105 batu jauh daripada pekan Keningau agak tidak begitu munasabah, jadi, kalau boleh saya ingin mencadangkan supaya ianya dibuat dua kategori, satu apa namanya, saya tidak pastilah, biarlah kementerian yang menentukannya.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu memang baik, tetapi matlamat utama kementerian dalam program ini adalah untuk menentukan bahawa kampung-kampung yang jauh dari pekan, jauh dari bandar itu dapat dibangunkan serta dapat maju setaraf dan setanding malah lebih maju dan lebih baik dari kampung-kampung yang berdekatan dengan bandar, ini matlamat kementerian kerana kita mendapati kampung-kampung yang jauh di pedalaman oleh kerana pelbagai masalah, maka mereka lebih mundur dan program ini di mana kita menggembangkan tenaga masyarakat, maka kita meminta dan kita berharap bahawa masyarakat di pedalaman ini dapat sama-sama menikmati pembangunan yang diidamkan oleh kerajaan supaya kampung-kampung tersebut dapat maju, menarik dan menguntungkan seperti kampung-kampung yang lain. Maka kita tidak akan membezakan di antara kampung-kampung yang terlibat.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, terdapat dalam melaksanakan aktiviti di bawah GDW ini, kerajaan ataupun kementerian lebih mempunyai kecenderungan untuk menumpukan kampung-kampung yang sudah mempunyai kemudahan asas. Dan memandangkan perbelanjaan yang lebih dari RM19 juta walaupun program ini bermula pada tahun 1996, sejauh manakah kerajaan dapat memastikan supaya program ini dapat dimanfaatkan oleh rakyat di luar bandar pada cara umumnya, secara global.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang dilihat oleh Ahli Yang Berhormat itu memang betul kerana apabila kementerian meminta memilih kampung-kampung yang dibangunkan dalam Gerakan Desa Wawasan ini, kita memilih kampung yang mempunyai potensi untuk dibangunkan. Di seluruh negara, kita ada lebih kurang hampir di Semenanjung sebanyak 13,000 buah kampung, di Sarawak sebanyak 5,000, di Sabah lebih 3,000 buah kampung. Dan kebanyakan kampung-kampung ini adalah terletak jauh dari di kawasan pedalaman dan mungkin menghadapi pelbagai masalah dan tidak mempunyai potensi untuk dibangunkan, maka tumpuan kementerian kita menumpukan kepada kampung-kampung yang mempunyai potensi.

Jadi, kampung-kampung ini saiznya besar dan mungkin ada juga kemudahan-kemudahan asas kerana dalam program ini melainkan membangunkan kemudahan-kemudahan asas, tumpuan kita adalah kepada pembangunan manusia ini, kita menggembangkan segala tenaga masyarakat supaya masyarakat tersebut dapat bersama-sama terlibat dalam perancangan, pelaksanaan dan kemudian mengawasi segala projek yang dijalankan di kampung tersebut kerana akhirnya kita mahu bahawa kawasan-kawasan di luar bandar ini akan dibandarkan dan maju. Jadi, kalau kampung-kampung yang terpencil ini dan tidak ada potensi untuk dibangunkan maka ia susah hendak dibangunkan di bawah program GDW ini.

Walau bagaimanapun, kampung-kampung yang terpencil ini kita ada program-program seperti Program Pembangunan Perusahaan Desa (PPD) dan pelbagai program yang lain yang menentukan bahawa penduduk-penduduk luar bandar di seluruh negara dapat manfaat dari beberapa program yang dijalankan oleh kerajaan.

## **GURU PELATIH BAHASA CINA - PENGAMBILAN**

8. **Tuan Tan Ek Huat** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah pengambilan guru pelatih jurusan bahasa Cina bagi jangka masa lima tahun yang akan datang (1998-2002) untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru jurusan ini di sekolah rendah Cina.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menyelesaikan masalah kekurangan guru bahasa Cina di sekolah-sekolah SRJK(C), pengambilan guru pelatih bahasa Cina bagi jangka masa lima tahun iaitu 1998-2002 dianggarkan lebih kurang 5,000 orang.

Kementerian Pendidikan telah pun melaksanakan beberapa langkah untuk mengatasi masalah tersebut, antaranya ialah:-

- (a) mengadakan kursus dalam cuti khas (KDC) dengan memberi kelonggaran syarat kepada calon-calon guru sandaran tidak terlatih yang memohon pengkhususan pengajian Cina;
- (b) melonggarkan syarat kelayakan minimum dengan membenarkan calon yang tidak mempunyai kepujian bahasa Malaysia SPM, dengan syarat mendapatkan kepujian dalam tempoh berkursus;
- (c) menambahkan unjuran pengambilan calon di bawah Program Diploma Perguruan Malaysia bagi bidang pengkhususan pengajian Cina; dan
- (d) mengadakan temuduga terbuka (walk-in interview).

**Tuan Tan Ek Huat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, jawapan itu adalah untuk jangka panjang yang akan datang untuk lima tahun, bagaimana dengan langkah-langkah jangka pendek di mana pada masa kini kita mendapat aduan dari kawasan terutama dari kawasan luar bandar di mana guru dalam jurusan bahasa Cina ini sangat berkurangan. Dan juga saya ingin tahu apakah pendirian kementerian terhadap pengambilan guru-guru yang berpencen untuk mengajar di sekolah-sekolah semula dan juga pengambilan guru-guru sementara, sebab ada aduan di mana didapati bahawa pegangan kementerian itu tidak begitu kukuh, kadangkala ada yang kata tidak menerima surat untuk melanjutkan perkhidmatan

mereka dan ada yang diberhentikan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pemotongan peruntukan untuk Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan perlulah memberhentikan guru-guru yang sudah bersara wajib untuk diteruskan perkhidmatan mereka dan juga memberhentikan pengambilan guru-guru sandaran untuk mengisi jawatan.

Namun demikian, oleh kerana kita menghadapi masalah kekurangan guru bahasa Cina dan bahasa Tamil dengan secara ketara, Kementerian Pendidikan masih diizinkan untuk pengambilan guru sandaran untuk pengajian Cina dan pengajian Tamil dan juga untuk guru-guru kontrak iaitu guru-guru yang telah bersara wajib untuk mereka terus berkhidmat di bidang pengajian Cina dan pengajian Tamil.

Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat ada kes-kes tertentu yang tidak dilayan dan perlukan kita menimbangkannya, saya haraplah Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan kes tersebut kepada Kementerian Pendidikan atau kepada saya supaya kita bolehlah menjaga untuk mengatasi masalah kekurangan guru ini.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini Kementerian Pendidikan memperkenalkan Program Sekolah Bestari, kita ingin tahu setakat manakah kejayaan ataupun peringkat awalnya Program Sekolah Bestari ini yang mana dalam usaha untuk mengangkat martabat pendidikan negara kita.

Yang kedua soalan saya, bagaimana dengan sekolah-sekolah di luar bandar kerana kita faham sekolah bestari antaranya ialah terlibat dengan penggunaan komputer, di luar bandar adalah di antara sekolah-sekolah yang tidak pun mempunyai bekalan elektrik, apakah mereka ini akan jauh ketinggalan daripada sekolah-sekolah di dalam bandar.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan itu adalah tidak berkaitan dengan tajuk asal iaitu berkaitan dengan kekurangan guru pengajian Cina, namun demikian, izinkan saya menjawab kerana soalan itu merupakan satu soalan yang penting. Skim Program Sekolah Bestari,

Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan dan kita dalam peringkat akhir untuk menentukan spesifikasi bagaimana kita akan membina atau melaksanakan program tersebut di sekolah-sekolah dan kita sudah tentukan bahawa sebanyak 90 buah sekolah akan menjadi sekolah bestari dalam rancangan fasa pertama sebagai, dengan izin, pilot project supaya kita boleh mempelajari daripadanya dan sekolah-sekolah itu juga meliputi sekolah-sekolah di luar bandar.

Jadi, janganlah bimbang, kita mengambil kira kebaikan semua pelajar di seluruh negara termasuklah mereka yang diluar bandar dan juga di kawasan pedalaman. Untuk sekolah-sekolah yang tidak mempunyai tenaga elektrik dan sebagainya adalah dicadangkan bahawa sekolah-sekolah itu diberi sokongan melalui generator set supaya pelajar-pelajar di sekolah-sekolah tersebut juga dapat menggunakan komputer.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah kerajaan bagi mengadakan guru-guru yang cukup untuk jurusan bahasa Cina dan Tamil ini, tetapi apa yang saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi hendak memberi kelonggaran kepada calon-calon ini supaya yang tidak ada kredit dalam bahasa Malaysia diberi tempoh sekian-sekian, adakah ini sesuai dengan Dasar Pendidikan sekarang dan apakah kementerian tidak mempunyai alternatif lain untuk mengatasi masalah ini?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita perlukan calon-calon yang ingin mengikut aliran bahasa Cina atau bahasa Tamil itu mempunyai kepujian dalam bahasa Cina dan juga bahasa Tamil, jadi nampaknya ada sebilangan calon-calon yang ingin berkhidmat sebagai guru, tetapi mereka tidak fasih dalam pelbagai bahasa dan untuk calon-calon ini kita izinkan dengan syarat bahawa mereka haruslah mendapat kepujian dalam bahasa Malaysia apabila mereka berkursus di pusat-pusat maktab perguruan dan kalau mereka tidak dapat kepujian dalam bahasa Malaysia dari maktab perguruan tersebut, mereka tidak boleh ditempatkan sebagai seorang guru terlatih kerana itu adalah syarat yang ditetapkan sebelum mereka boleh dijadikan sebagai guru terlatih, mereka mesti mempunyai kepujian dalam bahasa Malaysia, itulah syarat yang asas. Tetapi

apabila mereka berkursus, kita ambil dengan syarat bahawa mereka dapat kepujian, itu dalam jangka masa dua atau tiga tahun mereka berkursus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 43 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

## **USUL**

### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersebahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Kesembilan.*[13 Mei 1998]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz menyambung ucapan yang semalam ya?

**3.47 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Raman:** Tuan Yang di-Pertua, semalam tidak sempat habiskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tidak sempat, ya sila sambung!

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyokong penuh Usul yang dibawa tempoh hari oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin bagi menyembahkan Junjungan Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya merasakan yang paling penting bagi kita menumpukan perhatian di dalam masa terlewat ini ialah dari segi

kedudukan ekonomi yang ditempooh oleh negara kita dan juga negara-negara di rantau ini.

Memanglah ramai telah pun menyatakan pandangan berkenaan dengan wujudnya kegawatan ekonomi di negara kita yang semestinya dipelopori oleh tekanan terutama sekali dari segi pendekatan baru yang kini diutarakan oleh tamadun ekonomi Barat untuk mengglobalisasikan ekonomi dunia sehingga sempadan antara negara-negara runtuh dan ranap kerana terutama sekali dari segi bidang perniagaan mata wang yang kita difahamkan setiap hari ianya meningkat kepada RM1 trilion lebih, cuba bayangkan bagaimana banyaknya, bagaimana meluasnya tekanan perdagangan mata wang ini kalau sekiranya ianya ditumpukan kepada satu-satu sasaran terutama sekali di rantau ini di mana pada 2 Julai 1997 ianya merayap kepada Thailand dan daripada Thailand kepada Malaysia, ke Philippines, ke Indonesia dan ke Korea, kita tidak berkeupayaan untuk hendak menahan dari segi kekerasan yang dibuat oleh mereka yang terlibat di dalam spekulasi mata wang itu dan rata-rata kita mendapati dengan wujudnya penurunan mata wang yang begitu hebat di rantau ini, tiga buah negara telah pun terpaksa menuntut jasa baik dana mata wang dunia atau dana mata wang antarabangsa (IMF) iaitu Korea dengan lebih US\$53 bilion, diikuti pula dengan Thailand dan juga Indonesia, kita setakat ini bersyukur kerana pucuk pimpinan masih dapat mempertahankan ekonomi kita daripada dilanda seterusnya oleh mereka dari luar sempadan negara kita ini.

Walau bagaimanapun, kita dapati di negara kita sendiri, apakah ciri-ciri yang sepatutnya diberikan penekanan untuk hendak meneruskan pembangunan kita yang kita capai sejak lapan dan sembilan tahun dahulu sehingga setiap tahun pembangunan ekonomi kita meningkat 8% dan kini apa yang telah kita capai selama sepuluh tahun itu telah pun diranapkan oleh kegawatan ekonomi, oleh

penderaan kepada mata wang kita yang juga menjelaskan nilai saham-saham daripada 972 bilion dari segi capitalisation syarikat-syarikat yang berdaftar di BSKL sehingga ianya menjunam kepada kini dan kita diberitahu sebanyak 360 bilion, cuba bayangkan mereka yang terlibat dari segi pinjaman untuk hendak menentukan syarikat-syarikat ini dapat beroperasi pada peringkat kecemerlangan dahulu sebelum 2 Julai 1997.

Kita difahamkan banyak syarikat yang tersenarai di BSKL, sebanyak 700 lebih yang telah pun dibebani oleh kerugian yang amat teruk dan di sini saya ingin hendak mengutarakan kepada pihak kerajaan supaya satu langkah yang bijaksana dapat diambil untuk menentukan syarikat-syarikat yang tenat ini dapat dibantu bukannya pemegang-pemegang saham, kita terpaksa mengasingkan pendekatan kita, bukanlah tujuan kerajaan sepatutnya membantu mereka yang menanam modal dalam syarikat-syarikat, yang penting bagi kerajaan kita berpendapat ialah membantu syarikat-syarikat itu sendiri, cara mana mereka dapat dibaikpulihkan.

Soal mereka yang memegang saham itu soal risiko (risk) yang mereka ambil sebagai pelabur dan pemegang saham, kalau sekiranya saham mereka terjunam, terpaksa gulung tikar sebagai pemegang saham, mereka terpaksa menggulung tikar tetapi syarikat terutama syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan negara di mana kerajaan sepatutnya mencari jalan, bagaimana syarikat-syarikat ini dapat dibaikpulih, bukan soal bail-out, kalau ikutkan bail-out ini merupakan satu terminologi yang disalahgunakan.

Di Amerika pernah pada tahun 80-an ‘saving and loans’ telah dibiayai oleh pihak Kerajaan Amerika untuk dibantu untuk membaikpulihkan syarikat itu, Syarikat Chrysler dan banyak lagi syarikat-syarikat yang terpaksa dibantu oleh pihak Kerajaan Amerika Syarikat, tetapi soalnya sekarang kita hendak menentukan

syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan negara di negara kita dapat diselamatkan daripada terjunam dan terus menggulung tikar.

Di sini saya ingin mengutarakan pendapat kepada pihak kerajaan supaya pihak pemungut hasil yang kini telah pun dikorporatkan, diperbadankan supaya berhati-hati di dalam langkahnya untuk hendak mengutip cukai dengan sewenang-wenangnya kerana saya dapat meneliti kedudukan prestasi syarikat-syarikat yang pada tahun lepas pernah membuat keuntungan, saya hendak bacakan di sini iaitu pada tahun 1996 syarikat-syarikat seperti Ekran misalnya, pernah membuat keuntungan sebanyak RM124 juta tetapi mengikut keputusan terakhir rugi sebanyak RM404 juta. Ini kira-kira dekat 500% menjunam. Land and General dari pada keuntungan RM205 juta, menjunam rugi RM246 juta. MBf Capital untung pada 1996 sebanyak RM463 juta dan rugi kini sebanyak RM587 juta. KUB untung RM5 juta dan rugi RM111 juta. MGIC pun begitu juga dan yang teruk lagi ‘Emsetia’ yang untung RM155 juta pada tahun yang terbaru dan rugi RM644 juta.

Syarikat-syarikat ini terpaksa membayar kepada pemungut hasil atas keuntungan yang mereka buat pada tahun 1996 tetapi apabila berdepan dengan tahun 1997 kekurangannya dari segi kecairan, dari segi cash flow dan sebagainya mestinya mereka ini tidak mampu untuk hendak membayar pungutan hasil-hasil dan cukai-cukai ini.

Begitulah juga seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berhubungkait dengan sumber manusia apabila terlalu ramai dekat 20,000 lebih sekarang ini, mereka yang terlibat dari segi pemberhentian kerja untuk hendak menentukan supaya apabila mereka ini berhenti kerja, kita ingin supaya jabatan ataupun badan pemungut hasil melonggarkan syarat untuk hendak menahan gaji terakhir itu supaya tidak membebangkan mereka yang terlibat tetapi kini kita dapat

jawapan kerana jabatan ataupun badan pemungut hasil ini merupakan badan yang bertanggungjawab dari segi pemungut hasil mempunyai proviso dan peraturan-peraturan tertentu, mereka mungkin tidak dapat melonggarkan syarat-syarat itu dan terpaksa menahan gaji terakhir.

Jadi, di sinilah letaknya budi bicara badan-badan seperti ini dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang untuk hendak melenturkan keadaan, untuk hendak melenturkan syarat-syarat yang terpaksa mereka ikuti supaya dapat memberikan peluang kepada syariakt-syarikat bernafas dan orang-orang persendirian bernafas bagi meneruskan kehidupan dalam senario kegawatan ekonomi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga diberitahu dalam menempuh keadaan kegawatan ekonomi ini yang lebih teruk lagi daripada tahun 80-an kerana ianya bukan sahaja menjunamkan saham-saham di pasaran saham tetapi juga nilai mata wang kita juga terjunam sehingga dalam masa dua, tiga, empat hari ini kita lihat US Dollar yang dahulu RM2.50 sen bagi setiap US\$1, kini meningkat kepada RM4 lebih dan juga Pound daripada RM6.40 sehingga sampai RM7.00 satu ketika, ini telah pun menjelaskan dari segi syarikat-syarikat yang berhutang dengan bank-bank luar negara dan kita dapati banyak juga syarikat yang berkaitan di mana mereka membuat hutang menerusi institusi-institusi kewangan di Labuan. Jadi, saya hendak tahu dari pihak kerajaan adakah dengan pengwujudan Labuan sebagai pusat pesisiran luar dari segi institusi-institusi kewangan yang ditubuhkan di sana, ianya mengakibatkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan dalam keadaan sekarang.

Saya difahamkan beberapa syarikat tempatan yang telah pun mendapat pinjaman daripada bank-bank yang bermastautin di Labuan, yang syarikat-syarikat ini ada kaitannya dengan projek-projek infrastruktur di negara kita dan juga projek-projek besar di Philippines misalnya dan kita dapati jumlah pinjaman ini bukannya kecil-kecil - US\$800 milion, kalau kali empat RM3.2 bilion dan saya difahamkan juga bank-bank, ini mengikut satu laporan majalah, bank-bank yang memberi hutang kepada mereka ini tidak mendapat cagaran - RM700 million

lebih tanpa cagaran yang kukuh dan bank-bank tempatan ini ialah bank-bank yang besar-besar di negara kita seperti saya difahamkan Malayan Banking, RHB, Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan Bank of Commerce dan kalau ini berlaku tanpa kawalan yang ketat, seperti wujudnya kawalan ketat di negara kita sendiri, saya takut dan bimbang Labuan dijadikan satu pusat untuk hendak mencari jalan mendapat kemudahan kewangan yang melibatkan dari segi syarikat-syarikat ataupun bank-bank di negara kita. Jadi, kita minta pihak kerajaan mengkaji semula dan memberi penjelasan apakah sebenarnya berlaku di dalam institusi-institusi kewangan di Labuan, vis-a-vis dari segi pinjaman oleh syarikat-syarikat di negara kita menerusi pinjaman-pinjaman mata wang asing seperti US Dollar dan sebagainya untuk mungkin pelaburan di luar negara ataupun juga pelaburan di negara kita sendiri.

Kalau ia membebankan negara, kita mahulah pihak kerajaan mencari jalan cara mana dapat kita mengetatkan kembali syarat-syarat bagi setiap bank yang beroperasi di Labuan itu.

Syarikat yang berkenaan mengikut majalah ini ialah Hotic Investment, syarikat yang berdaftar di Hong Kong berkait dengan beberapa saudagar-saudagar baru di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu yang penting ialah untuk kita menentukan supaya negara kita tidak tunduk kepada tuntutan-tuntutan IMF dan untuk itu yang penting ialah bagi kita menentukan sistem perbankan kita di negara ini mempunyai suntikan kewangan. Kalau kita tengok apabila wujudnya satu syarat daripada Bank Negara Malaysia yang menentukan supaya bank-bank terpaksa membuatkan penjelasan dari segi, dengan izin, non performing loan setiap tiga bulan, kita dapati non performing loan ini telah pun meningkat daripada jumlah 6% dan kini telah pun meningkat kepada 8.7% bulan Februari dan kita yakin dengan keadaan ekonomi sekarang apabila butiran baru keluar untuk bulan Jun, jumlah pinjaman yang tidak dapat dibayar balik ini akan meningkat lebih tinggi lagi. Jadi, adakah kita terpaksa berdepan dengan keadaan ekonomi yang lebih teruk di mana bank-bank terpaksa menunjukkan kerugian dan kekurangan kecairan untuk memberikan pinjaman-pinjaman.

Di sini kita ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana memberikan suntikan kewangan kepada sektor-sektor tertentu perumahan, mikro kredit – saya tengok pagi ini surat khabar mengatakan RM340 juta dari segi pengusaha-pengusaha kecil, RM1.5 bilion telah pun disuntik untuk menentukan pertumbuhan ekonomi dari segi sektor harta tanah, rumah-rumah kos rendah dan sebagainya. Ini menentukan kecairan di sektor-sektor tertentu tetapi yang penting ialah pihak kerajaan terpaksa menentukan apakah kedudukan kecairan dari segi dana-dana kewangan yang wujud di dalam KWSP (EPF), di dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera, di dalam Lembaga Tabung Haji, berapa bilion yang

ada sekarang ini yang masih menunggu untuk dilaburkan. Sudah sampai masanya bagi badan-badan dana-dana kewangan ini dirundingkan dengan Kementerian Kewangan dengan pucuk pimpinan di manakah kelebihan dana ini untuk hendak diarahkan.

Saya hendak syorkan di sini arahnya ialah kepada sistem perbankan di negara kita dan jangan takut, saya tahu KWSP (EPF) mungkin ragu untuk melepaskan dari segi dana kewangannya membantu RHB untuk mengambil alih Sime Bank, misalnya, terpaksa pergi ke Allied Phileo dan sebagainya. Soalnya sekarang kita masuk berdasarkan kepada nilai syarikat itu, bukan dengan cara sewenang-wenangnya. Kita mempunyai penilai-penilai antarabangsa bagi menentukan berapa sebenarnya nilai aset yang kita hendak ambil dan kita gunakan itu sebagai kayu pengukur untuk mereka menyertai penglibatan di dalam syarikat-syarikat ini dan kita tidak menggunakan dana kewangan ini bagi membantu orang perseorangan – individu, pemegang-pemegang saham kerana mereka telah pun memainkan peranan sebagai seorang businessman, seorang warga korporat untuk hendak melabur dan kalau pelaburannya ranap, itu soal dia, antara dia dengan bank. Fulus habis, habis! Tetapi syarikat itu yang kita hendak selamatkan, bank yang kita hendak selamatkan. Kita curahkan dana kewangan daripada EPF yang kita gabungkan dengan LTAT, Tabung Haji, SOCSO – banyak punca kewangan.

Saya hendak tahu daripada pihak kerajaan di manakah adanya lagi wang dana kewangan daripada pusat-pusat yang masih belum digembangkan bagi hendak membantu negara kita mengatasi masalah kegawatan ekonomi. Jadi, sistem perbankan memerlukan suntikan kewangan secara teratur dan terancang. Kalau kita selamatkan sistem perbankan bererti daripada situlah dapat kita wujudkan satu monetary sistem yang boleh menentukan sektor-sektor lain bertumbuh kerana kita takut benar recession yang akan menjunam ke negara kita dan apabila wujudnya recession amat susah untuk kita hendak bangun kembali. Sebelum ianya berlaku, langkah-langkah kerajaan yang diambil sekarang ini tepat bagi menentukan kecairan wujud dalam sektor-sektor tertentu dengan suntikan-suntikan kewangan tetapi kita mahu lebih lagi suntikan dibuat. Selamatkanlah sistem perbankan negara kita.

Peranan Bank Negara Malaysia sepatutnya mesti dan dari segi ini neutral untuk menentukan arah, dasar dan sebagainya. Saya perhatikan sekarang ini Bank Negara Malaysia sudah mungkin kehilangan kukunya bagi menentukan dasar monetary untuk negara kita ini. Dulunya prestige Bank Negara Malaysia pada waktu Tun Ismail, misalnya sebagai Governor pertama anak bangsa di Bank Negara. Cara-cara mereka berdepan dengan masalah monetary lebih tepat, lebih berkesan bagi menentukan arah sistem monetary yang berkesan. Sebab itulah apabila sampai kepada tahun 1980-an apabila kita mempunyai kegawatan ekonomi ianya dapat diselesaikan dengan baik, dan kita mengharapkan Bank Negara Malaysia memainkan peranan yang lebih mempunyai impak bagi menentukan kegawatan ekonomi terutama sekali dari segi sistem kewangan dan perbankan di negara kita ini dapat diawasi dengan baik dengan maklumat-maklumat yang terperinci diberi mengikut masa-masa tertentu bagi menentukan ketelusan pengurusan dapat kita tingkatkan kerana sebenarnya masalah negara kita bukannya masalah fundamental, bukannya masalah ciri-ciri ataupun ingredient ekonomi, tidak! Masalah negara kita sekarang seperti yang pernah dinyatakan berulang-ulang kali oleh pucuk pimpinan – masalah kehakisan keyakinan pelabur-pelabur terutamanya pelabur-pelabur asing yang mula menghentam dan merantang untuk menjatuhkan mata wang kita.

Jadi, untuk itu kita kini mengucapkan tahniahlah. Apa yang diutarakan oleh pucuk pimpinan kita oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir yang mempunyai vision, jelas sekarang ini diambil kira oleh badan-badan dunia. Kita memerlukan pengawasan yang rapi, yang baik terhadap perdagangan mata wang dunia yang begitu hebat, lebih hebat daripada perdagangan benda-benda pembuatan dan sebagainya. Sekarang ini IMF, World Bank semua sudah bersidang, G7, G15 semua bersidang untuk mencari jalan mengawasi cara-cara dan kaedah perdagangan mata wang dunia dan juga rantau ini. Begitu juga apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir meminta kita menggunakan dari segi mata wang kita sendiri dari segi perdagangan tepat sekali kerana Amerika kini mempunyai satu dominasi yang amat hebat. 70% perdagangan dunia berasaskan kepada US Dollar dan perdagangan mereka seperti yang pernah saya nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, perdagangan mereka di seluruh dunia termasuklah juga NAFTA, satu kumpulan, 18% sahaja! EAEC yang pernah saya sebutkan lebih banyak lagi 20% lebih kalau dibandingkan dengan NAFTA, EU lebih besar lagi dari segi perdagangannya dan kita mengucapkan tahniah kepada European Union (EU) sekutu Eropah kerana akan mewujudkan Euro duitnya sendiri pada 1.1.1997 dan Governor Bank Pusat pun sudah ada.

Saya difahamkan seorang dari Belanda terpilih sungguhpun ada perebutan sedikit antara Jerman dengan Perancis tetapi orang Belanda menang. Dia pandai menguruskan kewangan kerana tahulah orang Belanda. Jadi, Euro akan wujud, Dollar Amerika berkemungkinan mempunyai saingan dari segi perdagangan antarabangsa. Kita memerlukan juga mata wang di rantau ini. Adakah ianya Yen tetapi Yen mempunyai masalah sekarang ini, mungkin masalah itu sengaja menjadi sasaran dari segi agenda tersembunyi pihak-pihak tertentu kerana mereka tahu apabila kuat Jepun bersama-sama dengan Republik China, Yen – Republik China saya ingat Rebini nama wang dia.

**Datuk Yee Lung Fook Geoffrey:** Renminbi.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Ha? Renminbi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu Rakyat Republik China. Republik China itu Taiwan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Ha, yang ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu Rakyat Republik China.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Rakyat Republik China. Oh, dia ada dua itu. Rakyat Republik China ini China betul, China proper. Mata wang China dan juga mata wang Jepun kalau digabungkan, cara mana saya tidak tahu – ia boleh menjadikan mata wang rantau Asia Timur. Asia Timur mempunyai pasaran yang besar. Asia Timur pernah diutarakan sebagai satu kumpulan harimau, satu kumpulan naga yang kini menjadi kuching-kuching yang mengiau kecil-kecilan. Satu ekonomi yang paling ajaib kerana dunia sendiri, teori ekonomi sendiri tidak dapat mengenal pasti bagaimana Asia dapat membangun begitu cepat terutama sekali Asia Timur – Korea, Jepun, Taiwan, Hong Kong, Singapura – lepas itu baru masuk kita, negara-negara baru menjelma sebagai negara-negara industri baru – Malaysia, Thailand, Indonesia, Filipina dan sebagainya dan pada waktu itu Dato' Seri Dr. Mahathir mempunyai pandangan jauh. Dia hendak wujudkan Majlis Kesatuan Negara-negara Asia Timur (EAEC), ia berbeza sedikit dengan APEC yang mana ianya disertai oleh Australia, Amerika termasuk Mexico dan sebagainya.

Kita mempunyai daya sendiri, cara-cara pengurusan sendiri, cara-cara dan pendekatan, nilai-nilai Asia ini lain, sebab itulah Dato' Seri Anwar bin Ibrahim mengeluarkan satu buku *Renaissance* satu kebangkitan Asia kerana nilai-nilai yang sejagat di Asia berbeza sedikit. Cara-cara kita berbeza. Falsafah kita berbeza tetapi atas perbezaan itulah kita menjadi sasaran. Tidak mungkin mereka dapat menerima negara-negara yang pernah dijahah suatu ketika, yang baru merdeka – Malaysia 41 tahun dan negara-negara sekitar ini tidak mungkin dapat menjadi negara-negara maju sungguhpun pada tahun 2020. Mereka kena cari jalan dengan agenda tersendiri untuk menentukan kemajuan kita dibantutkan. Sebelum alaf baru kita telah pun dibantutkan dengan cara-cara yang diusahakan oleh mereka.

Untuk menentukan keyakinan dunia kembali kepada kita usaha-usaha ini terpaksa dipikul, bukan sahaja oleh Dato' Seri Dr. Mahathir, bukan sahaja oleh Dato' Seri Anwar, kita kena tentukan satu perancangan kerana kita tahu Kementerian Penerangan tidak berjaya mengatasi isu ini. Dia duduk dengan RTM1, RTM2, Radio 1, 2, 3 dan sebagainya – cukup. Tidak dapat dia menghantar pegawai-pegawai penerangan ke Washington, New York, London, Paris, Tokyo dan rata-rata bagi berdepan dengan editor-editor *Washington Post*, *Financial Times*, dia tidak boleh.

Kita perlukan satu lagi kumpulan-kumpulan tertentu dari Malaysia yang berpengalaman, antarabangsa dan mempunyai intelek yang mendalam bagi berdepan dengan editor-editor ini kerana maklumat-maklumat yang mereka terima adalah maklumat-maklumat picisan yang datangnya daripada penganalisa-penganalisa syarikat antarabangsa tertentu, umurnya 25 tahun, 30 tahun, pengalamannya cetek dari segi rantau ini tetapi inilah maklumat yang mereka terima. Begitu juga bila mereka memberikan penarafan (rating) kepada negara kita – Moody, Standard & Poor, ICBC dan sebagainya. Mereka menggunakan kaedah mereka sendiri. Malaysian Agency pun ada, credit agency kita pun ada. Kita kena perkuatkan BERNAMA, kena kuat sebagai agensi yang menyebarkan maklumat di negara kita ini, Kementerian Penerangan kena kuat. Kalau tidak kuat kita cari jalan lain siapa yang boleh membuat perkara ini. Duta-duta kita pun konsepnya kena bertukar, bukan lagi secara diplomasi tetapi lebih daripada itu dan kita ucapkan tahniah kepada duta kita, High Commissioner kita – Pesuruhjaya Tinggi di London, misal kata, dua tiga bulan apabila ganti Dato' Kamaruddin pergi ke sana terus dapat berdepan dengan dua surat khabar, *The Observer* dan satulagi saya sudah lupa, *The Independent*kah, apa entah! Apabila mereka mengatakan kita meracun pendatang-pendatang dari Indonesia, sampai begitu sekali! Isu ini akan bertimbun-timbun menerusi media – media cetak, media peti televisyen dan sebagainya, mengarahkan pandangan secara kritikal kepada kita, secara negatif.

Jadi, pendekatan kita kena ubahsuai. Kita ada orang-orang tertentu, saya masih ingat lagi kita mempunyai Presiden UN suatu ketika – Tan Sri Razali, kini saya tengok dia telah dilantik menjadi Penggerusi IWK saya dengar, fasal IWK banyak masalah mungkin penggerusi baru dapat menjalankan tugas tetapi lebih penting untuk dia – Tan Sri Razali, misalkan untuk kita mencari jalan menggunakan kekuatannya berdepan dengan media antarabangsa. Tan Sri Kamil yang kini saya difahamkan menjadi envoi kepada Eropah bagi pihak Perdana Menteri. Kita perlukan ramai lagi, Tan Sri Ghazali Shafie dan sebagainya, kena kumpulkan, Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzahkah, mereka yang pernah suatu ketika berdepan dengan masalah antarabangsa secara intelek yang mendalam kerana kita tidak mahulah pergi ke sana bila berdepan dengan orang ini kita pun rasa ambil tangan duduk tepi, celah ini, tidak dapat

hendak menjawab apa pun. Tidak perlu, kita mahu penuh dengan jati diri, confident untuk berdepan dengan mereka ini dan menggunakan intelek sama intelek, eyeball to eyeball, mata ke mata, mind ke mind, mind set yang sama, barulah masalah kita akan dapat kita selesaikan.

Untuk hendak mematahkan mereka yang hendak menghakis keyakinan kita dan kita kena buat ini serentak, rata-rata kena pergi. Cara macam mana pun kita kena pergi. Dato' Seri Dr. Mahathir sudah buat, Dato' Seri Anwar sudah buat, ramai lagi perlu memberikan sokongan dan di sinilah saya hendak menyarankan TV1 jangan masuk iklan lagi. Mesej kerajaan seratus peratus kena salurkan TV1. Saya ingat lagi BBC1 di England waktu itu hanya kerajaan sahaja, tidak ada iklan, sekarang in saya tidak tahu, ini dulu punya ini. BBC2 baru ada iklan. TV2 ambilah iklan banyak-banyak untuk hendak membantu membiayai kementerian. TV1 saya hendak menyeru, ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan pun ada.

Jangan kita kedekut dari segi kewangan, mesej kerajaan kita hendak sampaikan kepada pelosok negara dan kalau sistem telekomunikasi tidak baik, seperti yang pernah disuarakan oleh saudara saya Senator Dato' Haji Sairin Karno dan begitu juga di Sarawak tidak sampai, tiap-tiap kali kita suarakan, ah, kita akan perbaiki sistem komunikasi, sekarang! Kerana kita hendak menyampaikan mesej kerajaan kepada setiap pelosok negara – Sabah, Sarawak, pelosok Kelantan, Terengganu, Pahang yang mana tidak sampai ini kita sampaikan. Kita sudah ada 33 channel dari segi TV yang terbanyak sekali di rantau ini. Takkanlah setakat TV1, TV2 tidak boleh sampai ke rantau-rantau dan ceruk-ceruk ini.

Jangan kita perkecilkan perkara ini kerana ini amat mustahak bagi menentukan rakyat jelata memahami nawaitu kerajaan ke arah meningkatkan maruah dan martabat bangsa dan negara ke peringkat antarabangsa. Inilah caranya hendak menyokong pucuk pimpinan untuk membanteras apa yang telah pun dihasut dengan pelbagai cara oleh pihak-pihak media antarabangsa. Jadi, TV1 khusus tidak payah lagi iklan, mesej kerajaan. Kalau hendak menyanyi lagu IT tidak apa, kalau ada sedikit sahaja taruh di bawah itu dibiayai oleh Telekom misalnya, tidak apa tetapi lagu IT, tidak tahu lah kalau kita terpengaruh dengan lagu-lagu ini. Saya tengok banyak sangat lagu-lagu sehingga kita tidak faham, lama-lama tidak faham apa IT itu sebenarnya, apa yang dilagu-lagukan. Jadi, modul baru, pendekatan baru, anjakan paradigma terpaksa dibuat. Inilah hijrah yang sebenarnya, hijrah mind set kita, pendekatan dan struktur pemikiran supaya kita dapat benar-benar berdepan dengan cara-cara yang dibuat oleh orang-orang luar ini.

Saya ingin hendak menyentuh tentang pertanian. Rata-rata kia dengar, oh, kita import makanan-makanan RM10 bilion tetapi tindakan kita di peringkat negara amat kecil. Cara kita hendak berdepan dengan masalah ini amat kecil. Pernah suatu ketika, di waktu Allahyarham Tun Razak – Buku Hijau, saya ingat Tuan Yang di-Pertua masih ingat, waktu itu Tuan Yang di-Pertua saya rasa menteri Kabinet dalam kerajaan Allahyarham Tun – Buku Hijau, bilik operasi dan sebagainya. Ini sebenarnya satu peperangan. Kita sebenarnya berdepan dengan satu peperangan bagi menentukan negara kita tidak mempunyai ketidakcukupan makanan. Keselamatan makanan (food security) amat penting. Ya, kita tidak perlu tanam padi sehingga ianya sampai 100% mencukupi, tidak perlu. 70% tidak apa tetapi mesti ada stock pile, mesti ada reserve. Jangan kita pergi balik kepada zaman Jepun. Kepada mereka yang pernah berpengalaman dalam masa Jepun dahulu, pernah kita makan ubi kayu dan sebagainya

sahaja. Kita tidak mahu balik kepada masa itu. Kita memerlukan stock pile. Saya tidak hendak tanya pihak kerajaan berapa banyak beras, berapa lama kita boleh tahan kalau sekiranya kemarau berterusan, import susah hendak dapat, dengan El Nino, El Nino ini, berapa lama dapat kita mempertahankan dari segi food security kita.

Sebenarnya dari segi time tackle, dari segi ciri-ciri institusi sudah ada, sudah cukup dengan MARDInya, dengan ini, dengan itu. Saya tengok MARDI, 25 stesen di seluruh Malaysia. Yang dikeluarkannya satu jenis telur nama ‘Omega’, lepas itu satu orkid diberi nama, bukan main sedap kita dengar. *[Menyemak sebuah buku]* Dia buat orkid – ‘Dendrobium Tuanku Najihah’, nama orkid itu, sejenis kacukan orkid dan ‘Josepine’ sejenis baka nanas. Nanas kita bukannya top priority sekarang ini tetapi itu dia buat. Yang lain dia buat juga. Saya hendak tanya sekarang seperti yang disebut dan diutarakan oleh saudara saya Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali, saya pernah pergi melawat ke Thailand, meninjau dari segi tanaman, tanaman yang betul punya, real punya, bukan tanaman-tanaman lain. Kita dapat dari segi jangka masa penyelidikan dan implementasi di peringkat pihak petani, enam, tujuh bulan sahaja. Apabila dia jumpa sahaja satu jenis yang baka baik dan sebagainya dari segi penyelidikan, enam bulan kemudian atau setahun kemudian dia sudah tanam, sudah diuji dan digunakan dan secara conscious, secara bersungguh-sungguh mereka mengarahkan tumpuan penyelidikan pertanian bagi meningkatkan produktiviti pertanian dengan jenis-jenis tanaman seperti durian. Sekarang ini durian yang kita tengok di supermarket itu durian Thailand, kalau kita tengok buah-buah anggur, buah-buah dokong pun dari sana. Saya tanya hari itu buah kelapa pandan daripada sebelah Thailand, saya tanya seluruh tempat di Pahang semua tidak ada – di sana!

Soalnya sekarang, adakah pihak kementerian tahu jenis-jenis tanaman, berapa banyak, berapa luas, berapa tan yang diperlukan oleh negara kita hendak tanam dan selepas itu adakah kita mempunyai benih-benihnya? Dia tidak ada clue lansung, dia tidak dapat menyangkam dan sekiranya benda itu tidak ada produktiviti yang tinggi, adakah MARDI diarahkan, – kownnya MARDI, saya tengok MARDI mempunyai, pada tahun lepas RM19.8 juta peruntukan yang sebegini kecil, yang dibelanjakan RM7.3 juta, cuba bayangkan. 37.1 peratus research – no go, menyediakan! Dan kita laung, kita perlu menyelamatkan pertukaran mata wang asing, perimbangan perdagangan RM10 bilion kita import makanan. Kalau ini sokongan yang diberi, laung sebanyak mana pun tidak berjalan. Kalau kita tidak faham pergi kita tengok, pergi ke Thailand, duduk sekejap tengok cara-caranya macam mana kerana Thailand benar-benar mempunyai satu sukses yang amat tinggi dari segi makanan dan dari segi commercial crop lain, no problem.

Saya perhatikan Malaysia meningkat dari segi kelapa sawit, no problem – top! Seluruh dunia mengakui PORIM, PORLA dan sebagainya. Begitu juga dengan Institut Getah, top! Getah kita merupakan satu tanaman yang cukup top already tetapi ini rupanya di bawah kementerian lain – Kementerian Perusahaan Utama. Kementerian Pertanian ini terpaksa kita cari jalan yang sesuai, yang serius dan urgent, amat penting. Kalau tidak, saya hendak minta satu pengkajian serta-merta dibuat dan kalau perlu pertukaran struktur, tukarlah struktur kerana amat penting bagi kita meningkatkan pertanian kita. Amat malu kita kepada seluruh dunia dengan tanah yang begitu subur Tuhan beri tetapi pertumbuhannya tidak semacam mana untuk hendak menampung keperluan 20 juta manusia. Ini amat

menyediakan, baik dari segi ikan, ternakan, tenusu dan sebagainya tetapi lebih-lebih lagi dari segi tanaman. Saya tanya hari itu, tidak ada benih, tidak cukup! Tidak tahu! Mula hendak pergi hidroponik, tidak boleh, lepas itu hendak pergi persekitaran rumah – this is runcit-runcitan, kita mesti ada paradigma yang lebih besar, dianjakkan pada tahap yang lebih tinggi. Jangan kita hendak seru supaya orang tanam belakang rumah sahaja.

Sekarang saya hendak tanya pihak Kementerian Pertanian berapa ekar tanah mereka ada, ada soalan saya tetapi mereka belum jawab lagi. Berapa ekar tanah yang dipunyai oleh Kementerian Pertanian di seluruh negara yang diberi oleh kerajaan negeri. Saya selalu pergi Temerloh, tanah-tanah itu ditanam bunga-bunga yang sudah tua, pokok-pokok kelapa yang ditanam, kadang-kadang ada buah limau sebatang dua – no go! Macam mana orang ramai hendak tengok begitu tinggi kepada Kementerian Pertanian sehingga di tengah-tengah kampung, pusat-pusat stesen pertanian tidak menggambarkan ‘dynamism’nya. Saya rasa ini amat perlu kita baiki semula. Persoalan pertanian ini besar ertinya. Food security besar ertinya. Kita tidak tahu lah sekarang ini memanglah Tuhan tidak membenarkan kita mati kebuluran lagi kerana kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya masih lagi kuat bagi menentukan segala-galanya dapat kita beri. Sungguhpun satu artikel dahulu pernah menyatakan beras terpaksa diberi kepada orang-orang di Sabah, bukan kerana kebuluran, itu just emergency punya basis sahaja. Kebuluran tidak, tetapi kita akan mati kebuluran kalau kita cuai dari segi merancang secara terperinci kegiatan pertanian negara.

Dasar pertanian negara kena ubah. Kalau tidak pandai ubah, suruh orang lain ubah. Perlu kita buat dengan segera dan cepat sebab tanah kita banyak. Saya hendak tahu berapa ekar dia punya tanah yang diberi oleh kerajaan negeri, apa dalam tanah, adakah tanah itu merupakan tanah-tanah terbiar kementerian. Kerana benih tidak ada ini, orang hendak tanam apa benih tidak cukup? Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah kepentingan kita bersama.

Jadi, saya mengharapkan juga universiti yang kita tubuhkan banyak-banyak ini berapa ramai, saya tengok sepintas lalu, saya sudah hilang buku-buku laporan tahunan universiti. Ph.D di sebuah universiti itu 25 orang sahaja. Kalau kita benar-benar hendak meningkatkan knowledge base dari segi pekerja-pekerja kita, sekarang ini nilai kebijaksanaan dan bestari merupakan satu tahap yang terpaksa kita capai kerana hendak bersaing dengan dunia globalisasi, pemasaran dan sebagainya ini, dari segi persaingan-persaingan ilmu. Kita terpaksa mengatur setiap universiti bidang mana, berapa orang Ph.D, selain daripada yang kita hantar ke luar negeri itu. Daripada Oxford, Cambridge, London School of Economic, Imperial College dan sebagainya, Australiakah, New Zealandkah, berapa ramai Ph.D yang dikeluarkan di universiti-universiti tempatan? Ini kena arah kembalilah. Lepas itu kita hendak tanya pula jurusan mana, fasal kita memerlukan pemikiran yang lebih dalam lagi. Fasal banyak, kita dari segi kewangan memang ramai.

Saya difahamkan di Singapura setiap 1,000,000 manusia, 4,000 saintis. Di Malaysia setiap 1,000,000; 300 hingga 400 sahaja saintisnya. Dan dari segi penyelidikan 60% daripada kerajaan; 40% daripada swasta. Jadi, tradisi freedom of inquiry ini di pusat-pusat pengajian tinggi ini terpaksa kita galakkan semula. Di sini pihak kerajaan terpaksa mengkaji semula Akta Universiti dan Kolej ini yang

membendung dan mengikat pencanangan pemikiran yang lebih mendalam. Intelek yang lebih meningkat, inquiry mind fasal kita tidak mahu universiti kita ini dengan wujudnya akta ini seolah-olah menjadi satu extension daripada sekolah-sekolah tinggi yang kalau dulu membuat A-Level ataupun sekolah Tingkatan Enam semasa kita dahulu.

Jadi, kita kena chek balik semula Akta Universiti dan Kolej Universiti ini membantutkan pemikiran intelek, perkembangan idea pelajar-pelajar universiti. Saya yakin berkemungkinan besar akta yang begitu lama kita letakkan di peringkat universiti ini mungkin membantutkan pemikiran, perkembangan idea di peringkat universiti. Tetapi walau bagaimanapun, setiap universiti mesti ada jadual berapa orang diisi yang dihasilkan. Kalau tidak sampai ke tahap itu, kenapa dan mengapa. Adakah ianya kerana disebabkan oleh sekolah-sekolah yang tidak mampu melahirkan mereka yang boleh berfikir secara mendalam atau apa. Ini penting yang kita hendak buat kerana kita hendak negara kita ini sejajar dengan negara-negara lain meningkatkan pekerja-pekerja, saintis-saintis yang mempunyai pemikiran yang mendalam dan tinggi bagi mengatasi masalah-masalah yang terpaksa kita menghadapi di masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengucapkan tahniah kepada pihak polis yang bercanggah sedikit pendapat saya dengan Pengerusi Hak-hak Asasi Manusia yang mengatakan pihak polis semacam menjalankan kerja sebagai judge, juri dan entah apa lagi dia sebut di situ, execution. Ketiga-tiga dirangkum dalam kegiatan dan peranan polis. Saya hendak tegaskan di sini kita ucapan syabas kepada pihak keselamatan, pihak polis, di dalam keadaan yang begitu meruncing dapat membunuh mereka yang kalau mereka tidak bunuh, polis itu mungkin dibunuh dan tidak melibatkan orang awam setakat ini, kita bersyukur. Mana-mana pihak yang cuba hendak bercanggah pemikirannya, tengoklah kalau kita biarkan perkara ini berlaku berleluasa, negara kita akan menjadi negara cowboy, semua orang berpistol ke hulu ke hilir, menembak sini menembak sana, kita tidak mahu perkara ini berlaku.

Pihak polis menjalankan tugas dengan amat baik ke arah menentukan keamanan negara kita terjamin. Soalnya apa yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini amat menyediakan kerana kita yakin dengan wujudnya penyelidikan, Special Branch kita tidak mungkin perkara ini dapat meletus sebegitu rupa, kerana kekuatan negara kita berpaksi kepada harmoni antara kaum, antara agama. Di sinilah pihak mana sekali pun akan cuba mengambil kesempatan untuk memecahbelahkan kita kerana di situlah duduknya kekuatan kita, baik dari segi ekonomi dan politik. Berpaksi kepada toleransi, berpaksi kepada wujudnya harmoni antara kaum dan agama di negara kita ini. Tidak ada lagi negara-negara lain yang mempunyai satu kerajaan seperti Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai komponen parti-parti berbilang kaum sehingga dapat, dengan izin Allah S.W.T. menerajui kerajaan selama 41 tahun sejak 1957 lagi, tidak ada.

Sebab itulah apabila wujud kegawatan ekonomi dahulu, kalau Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat ingat, mereka cuba hendak memecahkan dan meminggirkan Perdana Menteri kita, Dr. Mahathir dengan Timbalannya dan juga dengan pemimpin-pemimpin di rantau ini. Itu sahaja cara dia hendak melawan kita. Tengok semasa itu majalah-majalah antarabangsa, *Economies*, *Times* semua menunjukkan bagaimana berbezanya pendapat dan pendekatan antara nombor satu dan nombor dua.

Bagaimana berbezanya pendapat antara pemimpin Malaysia dengan Indonesia, Thailand Filipina dan sebagainya, sehingga ada pemimpin -pemimpin tertentu di rantau ini yang terpengaruh, mujur cepat balik ke pangkal jalan dan bersatu dari segi kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi. Kita bersyukur kepada Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Halim Ali kerana mencadangkan supaya pegawai-pegawaiannya terpaksa mengikuti kursus Pengurusan Krisis (Crisis Management). Jelas sekali masalah air tidak akan timbul seburuk ini kalau kita betul-betul proaktif dari segi mengatasinya. Nampak sangat kecuaian kita. Apabila wujudnya perkara semacam ini menunjukkan perancangan kita tidak wujud, dan apabila kita tidak wujudkan perancangan yang rapi, perancangan akan menggugat kita. Kedudukan air bukan main teruk. Kita mempunyai hujan yang begitu tinggi dari segi tahap setiap tahun. Negeri Pahang suatu ketika pernah saya utarakan, kita hendak salurkan air mengikut paip gas yang sekarang ini telah pun dibuat oleh Petronas. Sejarah dengan Petronas gas itu kita hendak buatkan paip air. Kita hendak hantar air sungai Pahang, air Sungai Semantan dan sebagainya, tetapi tidak sempat hendak buat. Kita boleh eksport air Pahang kerana kita mempunyai sungai yang terbesar di Semenanjung, Sungai Pahang.

Tetapi bagaimana di Kuala Lumpur, di Lembah Klang ini pada waktu El-Nino dan Al-Nina yang saya sebutkan tadi, kekeringan dan ketandusan tempat tадahan air dan sebagainya, sudah 40 paip pecah di seluruh tempat, termasuk di Pulau Pinang pun pecah paip. Adakah ini merupakan satu sabotaj. Kita tidak dengar lagi penyiasatan yang dibuat oleh pihak tertentu apakah sebabnya dalam keadaan kita tidak ada air, pembaziran mercurah-curah menerusi paip bocor. Yang kita hairan sangat.....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Dato' Aziz. Tadi Dato' Aziz ada menyebut mengalui -alukan usaha Ketua Setiausaha Negara menganjurkan dan mengarahkan supaya diadakan kursus Crisis Management supaya lebih proaktif, contohnya masalah krisis air sekarang ini. Tetapi di sebaliknya pula, saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju apabila melihat keadaan-keadaan yang berlaku sekarang ini termasuklah krisis air, apakah perlu campur tangan orang politik secara yang lebih proaktif dalam urusan-urusan pentadbiran kerajaan terutamanya dalam soal-soal yang berkaitan dengan kepentingan rakyat. Sebab ada pihak yang tidak senang hati kononnya ada orang-orang politik campur tangan dan banyak menekan pegawai-pegawai kerajaan. Di sini saya hendak tengok bagaimana pandangan Yang Berhormat Dato' dalam hal yang saya kira agak kritikal juga ini berhubung dengan dasar kerajaan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih sahabat saya Senator Datuk Haji Ibrahim Ali. Memang saya sangat bersetuju. Kalau sekiranya dari segi jabatan, birokrasi tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah ini, wakil-wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat, yang mempunyai masalah yang besar terpaksa memainkan peranan. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Tan Chai Ho sebagai hero menunggu air bertangki-tangki - dia tidak ada di sini, di Bandar Tun Razak. Ramai lagi sekarang ini wakil-wakil rakyat di Lembah Klang ini patut meniru cara Yang Berhormat Datuk Tan Chai Ho cara-cara hendak mengatasi masalah. Kalau tidak, tidak bergerak. Ini tidak wujudnya proaktif yang urgent yang terpaksa dibuat.

Sebab itulah Ketua Setiausaha Negara mengakui pihak-pihak tertentu terpaksa mengikuti kursus Crisis Management, dia tidak faham krisis. Saya dengar satu cerita seorang pegawai kerajaan bila Timbalan Perdana Menteri tanya bilakah dapat jadual air hendak hantar ke sana-sini, dia kata minggu depan. Seminggu dia hendak membuatkan jadual penghantaran air. Cuba bayangkan. Perkara ini kritikal. Cuba bayangkan kita tidur seminggu tidak berair. Malam Jumaat, malam Sabtu tidak kiralah. Tetapi kalau sekiranya orang Islam tidak berair, hendak ambil wuduk pun susah, buat lain pun susah. Sehari boleh kata Datuk Ibrahim, lebih daripada itu tidak boleh. Begitu juga kita tengok dalam surat khabar berbagai-bagai cerita, MCA pun ada gambar, bagaimana ramainya ahli-ahli MCA, entah ahli-ahli lain pun kompelin kepada MCA kerana terlalu angkat air banyak sangat, sakit pinggang, tidak buat apa pun waktu malam.

Perkara semacam ini menghakis keyakinan rakyat kepada kerajaan, kita tidak mahu. Kalau sekiranya pihak-pihak berkuasa dari segi jabatan tidak dapat menyelesaikan masalah, orang-orang politik patut berdepan dengan masalah ini untuk menentukan penyelesaiannya dengan sebaik mungkin.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Sedikit pendapat Yang Berhormat dan penjelasan. Dalam keadaan kita tidak mendapat air ini, ada dalam surat khabar mengatakan bahawa pegawai MBJ telah pun dengan membawa trak ke rumahnya untuk menyalurkan air. Begitu juga di setengah-setengah tempat ada yang dapat air, di mana tempat-tempat lain putus bekalan. Misalannya saya dengar di sebelah Bangsar dapat air apabila di tempat-tempat lain tidak dapat air, di sebelah Damansara, iaitu di tempat-tempat yang tertentu. Adakah Yang Berhormat fikirkan ini satu perkara yang sahaja dilakukan?

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya tidak menjawablah soalan itu kerana saya tidak mempunyai kakitangan yang boleh menyiasat bagi pihak saya. Tetapi saya yakin pihak kerajaan, pihak JRK dan sebagainya mempunyai kakitangan yang cukup dan kalau kemusykilan ini benar-benar timbul, kita hendaklah pihak kerajaan menyiasat. Ini merupakan satu keyakinan. Kalau sekiranya Yang Berhormat sendiri mengutarakan pandangan semacam ini, bererti dari segi akar-umbi, pemikiran yang sama wujud, air mengalir di satu tempat dan tidak mengalir ke tempat lain, bagaimana, apa sebab? Perkara semacam ini terpaksa dijawab dengan secepat mungkin. Ini maksud ketelusan, pandangan kita pun nampak, fasal perkara itu telus (transparent). Setiap kegiatan, setiap dasar kena dibuat berdasarkan ketelusan, barulah ianya dapat memberikan keselesaan dan keyakinan kepada rakyat jelata yang mengundi ahli-ahli politik ke Dewan Rakyat dan sebagainya.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kita mengamal demokrasi, dan yang membentuk kerajaan ialah parti yang mendapat mandat daripada rakyat. Jika timbul masalah ketidakpuasan hati rakyat, yang disalahkan ialah parti pemerintah, bukan pegawai-pegawai kerajaan. Kredibiliti parti pemerintah yang mendapat mandat dipersoalkan oleh rakyat dan ini boleh terhakis dari segi pengaruh parti yang mendapat mandat daripada rakyat. Contohnya, macam UMNO dan Barisan Nasional sekarang ini. Oleh yang demikian, adakah Yang Berhormat bersetuju ataupun apakah pandangan Yang Berhormat kalau dianjurkan supaya agensi-agensi kerajaan sekarang ini ada juga orang-orang politik menjadi pengerusi, tetapi tidak semua menjadi pengerusi eksekutif, tidak ada kuasa dari segi eksekutifnya. Kebanyakannya adalah hanya sekadar pengerusi. Kalau di jabatan, ketua pengarah jabatan dan atasnya adalah menteri. Tetapi pelaksanaan di peringkat bawah ini semuanya

boleh dikatakan kakitangan kerajaan dan CEOnya ataupun ketua eksekutifnya ialah kakitangan kerajaan. Ini timbul masalah.

Jadi, apakah cara penyelesaian supaya kita menentukan bahawa parti yang memerintah ini menentukan kesejahteraan rakyat, maka wajar semua agensi yang berkaitan seumpama ini diletak orang-orang politik yang mendapat mandat daripada kerajaan dan kuasanya ialah kuasa eksekutif berkongsi kuasa dengan pegawai-pegawai kerajaan supaya kerja ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetujulah. Dahulu Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim dia hendak jadi Pengerusi 'Watchdog' sahaja dari segi bahan-bahan yang kita import. Memang tepat, pandangan itu tepat sekali kerana kita hendak menentukan pemikiran pengerusi itu sejajar dengan pemikiran kerajaan dari segi pemerintah yang dipilih. Kita lebih senang apabila timbul masalah untuk hendak berunding dengan menteri dan sebagainya. Jadi, rundingan itulah yang mendekatkan lagi satu-satu badan air atau badan ini dan badan itu dengan keperluan rakyat. Jadi, saya hendak senaraikanlah kalau dapat Yang Berhormat Senator Ibrahim menyenaraikan beberapa orang ahli-ahli Senator yang memerlukan jawatan ini untuk dijadikan pengerusi badan-badan tertentu termasuk Dewan Rakyat dan sebagainya, *[Ketawa]* kerana ini amat penting bagi kita menentukan keselesaan rakyat jelata sejajar dengan mereka yang memain....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat berapa panjang lagi?

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Sudah tidak banyak lagi, tetapi gangguan banyak sangat. *[Ketawa]*

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, kita banyak bercakap masalah air. Saya ingin mencelah pandangan Yang Berhormat Dato' Aziz, kerana kita tahu tadi ada banyak soalan tambahan berkenaan air, ianya berkisar dalam kuasa kerajaan negeri. Serupa juga dengan masalah pembalakan dan kedudukan perhutanan, banyak berkisar kepada kuasa kerajaan negeri. Jadi, apabila suasana ketidakselesaan yang berlaku sebagaimana saranan Yang Berhormat Dato' Aziz tadi dan beberapa Ahli Yang Berhormat lain, apakah Yang Berhormat bersetuju supaya melalui Majlis Air Kebangsaan tadi yang diumumkan oleh Kementerian Kerja Raya, kita di peringkat kerajaan harus melihat supaya pengurusan air ini harus dicentralised ataupun harus diuruskan secara menyeluruh oleh Kerajaan Persekutuan. Kerana ianya ada hubung kait dengan masalah penebangan hutan, dan hutan juga merupakan satu khazanah yang dimiliki oleh kerajaan negeri. Jadi, satu uniformity ataupun pengurusan yang mempunyai faktor yang sama ini, apakah Yang Berhormat Dato' bersetuju supaya perkara-perkara yang dalam bidang kuasa kerajaan negeri tetapi mempunyai percanggahan cara bekerja dan cara mengurus yang agak berbeza, sedangkan negara kita hanyalah sebuah negara yang kecil, dari segi jangka panjangnya apakah pandangan Yang Berhormat supaya segala bentuk yang mempunyai kepentingan secara langsung kepada rakyat seperti air ini dapat diurus ataupun dikongsi kuasa oleh Kerajaan Pusat? Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih di atas pandangan itu. Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar kerajaan-kerajaan negeri mempunyai kuasa di atas khazanah kekayaan peringkat negeri - air, balak dan sebagainya tetapi ianya mempunyai sistem perundingan dengan Kerajaan Pusat, Majlis Perundingan dengan Perdana Menteri, dengan Timbalan Perdana Menteri dan

menteri-menteri berkenaan dari segi tanah, hutan dan kini air sebagai satu badan. Kita perlu badan-badan ini bagi memberikan koordinasi bagi memberikan pendekatan yang bersepadu, kerana air sekarang ini kena berkongsi. Kalau dahulu Pahang, Pahang sahaja. Tetapi sekarang ini Melaka mungkin hendak air, Selangor jelas hendak air dan sebagainya. Jadi, negeri-negeri yang berdekatan yang mampu menyalurkan air terpaksa dikoordinatekan menerusi badan-badan ini. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Pusat dan kerajaan-kerajaan negeri yang sekarang ini dapat bermuafakat antara satu sama lain bagi menentukan khazanah kekayaan Allah S.W.T. dapat dinikmati.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya hendak sebut yang akhir sekali ialah berkenaan dengan pendidikan. Saya perhatikan apabila kita mewujudkan kecanggihan dari segi pendidikan menerusi sekolah-sekolah bestari dan sebagainya memang sekali gus kita manafikan faedahnya kepada mereka di luar bandar. Ini memang tidak boleh kita lari. Sekarang pun sebelum sekolah-sekolah dijadikan sekolah-sekolah bestari, pelajar-pelajar luar bandarlah yang terpaksa berdepan dengan guru-guru sementara yang begitu ramai, guru-guru yang tidak lengkap dari segi pengajian, dari segi Matematik, Sains, dari segi bahasa Inggeris, semua ini dilonggokkan ke luar bandar.

Jadi, saya hendak menyeru kepada pihak kementerian dalam kita mengejar kebestarian, dalam kita mengejar dari segi ilmu yang tinggi-tinggi, sepatutnya kalau kita dapat menampung keperluan penduduk-penduduk luar bandar yang kadang-kadang tidak ada elektrik, tidak ada air dan sebagainya, infrastruktur dan prasarananya kurang, terpaksa kita seimbangkan. Kalau tidak, kita akan meminggirkan mereka daripada arus perdana peningkatan ilmu. Begitu juga dari segi universiti-universiti. Seorang profesor, Neil Buckson dari Universiti Habaccia adalah mengatakan “kalau sebenarnya universiti-universiti adalah sebahagian daripada institusi nasional anda, jika separuh daripada universiti itu dimiliki oleh orang asing, ini bermakna sebahagian besar kemerdekaan anda pergi ke seberang laut.” Kebebasan kita meningkatkan ilmu pengetahuan menerusi institusi-institusi pengajian tinggi kita sendiri amat perlu. Jadi, kita kena berwaspada.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya seronok dengar point-point Yang Berhormat bangkit, sebab itu saya bangun. Saya hendak tanya Yang Berhormat setuju atau tidak dengan konsep sekolah bestari, sekolah pintar. Sebab saya berpendapat, saya fikir apa perlunya kita menamakan sekolah-sekolah ini dengan berbagai-bagai kemudahan. Kenapa kita tidak adakan satu keseragaman sekolah di seluruh Malaysia tanpa menamakan bestari, pintar, itu dan ini dan diagihkan peruntukan sama rata supaya tidak timbul inferiority complex di kalangan pelajar luar bandar atau di bandar, dia rasa dia belajar di sekolah kampung dan kawan ini pula balik dia kata saya dari sekolah bestari, pakai T-Shirt dengan macam-macam penonjolan. Adakah ini satu konsep yang baik, saya hendak tanya Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya pun terfikir juga dengan apa yang diutarakan oleh saudara saya itu. Label-label ini mungkin akan membahayakan juga, kerana ianya seperti yang disebutkan tadi. Sekarang ini pun kalau sekiranya wujud sekolah bestari, MRSM pun sendiri, mereka yang hendak pergi ke MRSM, pergi Malay College, pergi Maktab Tentera Diraja dan sebagainya bukan main susah hendak pergi. Tetapi kadangkala kita terpaksa mewujudkan, yang pergi MRSM itu 90% daripada luar bandar. Fasalnya dia menggunakan ukuran-ukuran berdasarkan kepada jenis sekolah

mereka datang dan juga pendapatan. Jadi, kemungkinan anak bekas Pengurus MARA pun dari segi pendidikan memang tidak dapat, kalau mengikut dasar-dasar itu. Tetapi kalau tidak ikut dasar tidak tahu lah, mungkin tidak dapat kerana kriteria, ukurannya amat ketat.

Jadi, apabila wujud sekolah bestari seperti ala-MRSIM, ala-asrama penuh, itu mungkin tidak mengapa, kerana ianya berasaskan kepada ujian-ujian tertentu untuk membestarkan secara cepat, mempunyai lorong, fast lane kepada mereka yang berkemampuan untuk menangani masalah-masalah pendidikan ini supaya dapat cepat. Sebab itu dia boleh melangkau darjah dua, darjah tiga terus ke darjah lima dan sebagainya kerana dia pintar dan bijak. Kita kena asingkan juga, sebab itu kita ada sekolah-sekolah orang-orang cacat. Sekolah-sekolah luar bandar mereka pada akhirnya esok apabila wujudnya penapisan di mana mereka terpaksa berhijrah ke sekolah-sekolah bestari, sekolah-sekolah berasrama penuh, yang tinggal di kampung orang tidak berapa pandai sahajalah, tidak tahu lah macam siapa, tidak berapa pandai. [Ketawa]

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Bolehkah sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya agak kurang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' tadi, sebab masalah wujudnya pelajar pintar dan lompat, langkau. Tetapi kita tengok ada juga sekolah-sekolah di luar bandar yang pelajar-pelajarnya belajar di luar bandar akhirnya mereka lulus juga cemerlang. Saya hendak beri contoh, Institut Teknologi MARA yang dahulu dianggap ‘second class institution’, tetapi dari segi pengambilan pelajar kononnya daripada mereka yang tidak layak masuk ke universiti. Tetapi hasil yang kita lihat sekarang ini, pelajar-pelajar dahulu yang saya tengok, saya boleh sebut beberapa nama, selepas mereka belajar di ITM daripada SPM dalam aliran bahasa Melayu akhirnya mereka pergi buat engineering di ITM dan sambung belajar di England, di Amerika, First Class Honours Degree dan sebagainya kebanyakannya adalah bekas-bekas siswazah ITM. Sekarang ini yang banyak merekabentuk macam-macam perkara, termasuklah Proton Saga sekali pun daripada ITM.

Di sini saya agak subjektif, masalah academic, dengan izin, tetapi soalnya apakah perlu kita mengasingkan dari segi yang saya sebutkan awal tadi pelajar-pelajar di dalam bentuk sekolah itu dan ini menimbulkan inferiority complex di kalangan pelajar-pelajar. Kita sudah kelas-kelaskan masyarakat kita. Apakah ini satu konsep yang baik, itu soalan saya.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan Menteri Pendidikan. [Ketawa] Walau bagaimanapun, saya berkeyakinan penuh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak mengapalah, Yang Berhormat, tidak payah jawab.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Penjurusan ini kita serahkan kepada kementerian untuk menjawabnya. Dari segi pandangan saya memang tepat apa yang disebutkan itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar yang lepasan ITM, saya mengucapkan syabas kepada ITM kerana menampung keperluan semasa. Di sana cara pengajarannya berbeza dengan cara pengajian di Pasir Mas. Misalnya, fasal disiplin, dari segi competition, competitive spirit semua wujud dalam ITM, semangat berkobar-kobar daripada Tan Sri Arshad Ayob, kadang-kadang kawad ke hulu ke hilir dan sebagainya. Ini perlu dari segi hendak menentukan kewibawaan seseorang pelajar itu menepati sasarannya. Itulah yang dibuat oleh sekolah-sekolah berasrama. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Zuki. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Dato' Ghazi.

#### **4.54 ptg.**

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucap banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Usul Titah Ucapan Diraja. Pertama sekali, saya menyokong kuat tentang apa yang telah dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya juga amat tertarik dengan semua perbahasan yang telah berlaku sebelum ini khususnya yang baru lalu. Cuma dengan ikhlas saya mengatakan bahawa di antara pendapat-pendapat yang telah disampaikan ada yang saya kurang bersetuju, dan insya-Allah, dalam membentangkan perbahasan ini saya akan menyebut satu-dua perkara terutama sekali mengenai umpamanya dari segi pendidikan, soal yang amat mustahak dan juga perkara-perkara mengenai pertanian yang juga dianggap mustahak yang saya akan sebut tentang perbezaan pendapat dan pendekatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang lapan perkara penting yang insya-Allah, saya akan sebut secara sepintas lalu tanpa mengulang apa yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Kalau saya terpaksa sebut perkataan-perkataan yang biasa, sekurang-kurangnya saya berhasrat untuk memberi angle atau sudut yang lain.

Pertamanya, mengenai pembangunan sumber manusia yang telah pun disebut dalam Titah Ucapan. Saya rasa perkara ini pertamanya saya ingin tekankan kerana inilah satu perkara yang terlalu amat penting yang mestи diberi perhatian, yang amat mustahak kerana dalam dunia menghadapi pelbagai cabaran khasnya yang dicabar sekarang ini tentang kegawatan ekonomi, yang pokok pangkalnya untuk menentukan kejayaan sama ada kita lulus ujian ini atau tidak ialah kekuatan kita sebagai seorang hamba Allah, sebagai manusia yang sejauh manakah kita boleh menggunakan akal fikiran kita untuk menangani masalah. Ini saya simpulkan bagaimana mustahaknya soal pembangunan sumber manusia.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dalam memperlihatkan kekuatan pentadbiran pengurusan kerajaan umpamanya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri khususnya dalam keadaan kegawatan ekonomi, kita telah mencapai surplus RM3.7 bilion mutakhir ini, RM2.5 bilion dalam bulan Februari, RM2.6 bilion dalam bulan Januari menandakan kemuncak yang kita boleh mengawal. Kalau ini ditunjukkan di peringkat atasan, apa yang kita hendak secara menyeluruh di peringkat menteri, di peringkat timbalan menteri, di peringkat pegawai kerajaan dan sebagainya hendaklah selaras sama-sama menunjukkan kecemerlangan mengurus dan sepintas lalu dapat menjawab tentang soal-soal, contoh-contoh yang telah menunjukkan kelemahan kita dalam pentadbiran pengurusan kerajaan di sana-sini.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya menyebut tentang pembangunan sumber manusia ini yang hendak saya tekankan ialah sama ada di tiap-tiap kementerian yang berkenaan kita memberi pengkhususan yang mencukupi. Dunia melihat dahulu Malaysia dan rantau Asia mengatakan bahawa ini harimau yang akan mengaum di seluruh dunia. Semuanya betul, semuanya memberi pengiktirafan. Sekarang semuanya serba tidak kena, semuanya serba salah. Inilah yang saya rasa kalau sekiranya agensi-agensi kerajaan di setiap peringkat dan di pihak swasta sendiri pun kita mempunyai kekuatan untuk menangani apa yang dirasai oleh negara kita, kita akan dapat mengatasinya.

Dalam hal ini, pemimpin-pemimpin atasan kita sentiasa mengalu-alukan supaya aktiviti-aktiviti ekonomi dipertingkatkan. Aktiviti-aktiviti ekonomi walaupun kecil-kecilan hendaklah diberi pengkhususan sekarang. Oleh kerana itu, harapan untuk Industri Kecil dan Sederhana seperti yang ditunjukkan oleh kerajaan dalam memberi bantuan-bantuan yang khusus adalah amat menggalakkan.

Tetapi kalau hanya dihidangkan dengan kemudahan-kemudahan kewangan, insentif-insentif dan sebagainya tetapi di kalangan masyarakat peniaga sendiri tidak melihat, tidak mengambil peluang ini oleh kerana kekuatan sumber manusia sebagai satu contoh yang saya hendak kaitkan, maka inilah sentiasa terdapat ruang untuk kerajaan berusaha memberi kemudahan tetapi yang diambil peluang dengan kekuatan mental dengan mencari pelbagai alternatif untuk mewujudkan peluang-peluang dalam bidang ekonomi adalah amat mencurigai.

Saya hendak tekankan ini kerana kalau kita melihat dalam ekonomi Amerika sendiri pun sebenarnya kekuatan industri kecil ini adalah amat kuat. Saya ingin memetik apa yang telah diucapkan baru-baru ini oleh CEO American Express, sebuah syarikat yang amat terkenal mengatakan bahawa dengan izin, small business is big business today. Ertinya perniagaan kecil adalah sebenarnya perniagaan yang maha besar sekarang ini dan diberi hujah-hujah mengatakan bahawa sebenarnya 50% daripada semua perniagaan yang wujud dalam Amerika Syarikat itu sebenarnya tumbuh daripada perniagaan kecil dan sederhana. Jadi kekuatan yang seperti ini memerlukan pengwujudan kekuatan entrepreneur ataupun pengusaha yang mempunyai daya usaha yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak tekankan ialah tentang penekanan oleh Seri Paduka Baginda mengenai pembangunan Koridor Raya Multimedia untuk membina masyarakat bermaklumat akan terus dilaksanakan, walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi. Saya rasa langkah yang diambil ini adalah satu langkah yang amat pintar sekali kerana keseluruhan dunia melihat perkara ini dengan penuh harapan bahawa Malaysia akan mendahului rantau ini dalam bidang teknologi maklumat. Oleh kerana itu mahu tidak mahu keseluruhan kita hendaklah menentukan bahawa projek Koridor Raya Multimedia ini mesti berjaya walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi. Inilah sebenarnya peluang yang terbaik untuk menunjukkan bahawa dalam suasana apapun Malaysia masih mampu muncul untuk mem'position'kan leadership 'role'nya, dengan izin

untuk menentukan bahawa Malaysia masih menjadi pemimpin dalam bidang ini dan perkara ini telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan akhir-akhir ini beliau membuat lawatan dan membuat usaha-usaha yang baik.

Dalam masa kita membina masyarakat bermaklumat ini, saya ingin tekankan bahawa kalau selalu sangat masyarakat didedahkan dengan maklumat saya percaya satu hari kita akan pening maklumat. Kita akan rasa mabuk maklumat. Kita akan terus jadi nanti gila maklumat atau di selewengkan dengan maklumat. Kalau sekiranya kita menyedari perkara ini saya rasa apa yang masyarakat mesti sediakan ialah, bagaimanakah kita hendak menyediakan masyarakat untuk mempunyai kebolehan memilih di antara maklumat yang relevan dan tidak relevan, yang baik dan yang buruk.

Ini datanglah isu yang selalu dibangkitkan tentang pendedahan kepada isu-isu porno graphy sama ada untuk dewasa atau pun untuk kanak-kanak. Akhir-akhir ini dilaporkan dalam berita bahawa porno graphy untuk kanak-kanak pun didedahkan dengan helah-helah yang tertentu. Oleh kerana itu dalam masa kita hendak membangun insan/masyarakat yang mempunyai ketrampilan ilmu dan sebagainya kita hendaklah sama-sama menentukan bahawa kekuatan kita dalam memilih maklumat, mana yang baik dan tidak baik hendaklah diselaraskan juga.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin membangkitkan hal hackers dengan izin, ataupun dalam perkataan bahasa Melayunya mengikut penggunaan akhbar ancaman ‘penggodaman’. Ini asal-usul perkataan bahasa Kedah, saya ingat ‘godam’. Jadi hackers, dengan izin dalam bahasa Inggeris itu. Saya pun baru belajar tentang ancaman ‘penggodaman’. Akhir-akhir ini saya melihat beberapa minit RTM mendedahkan tentang ancaman ‘penggodaman’ ini dan bila mendengar dengan agak khusyuk, saya merasakan ini adalah ‘ghost story’. Satu cerita yang ingin menakut-nakutkan masyarakat tentang penggunaan komputer. Pada saya RTM tidak sepatutnya mengeluarkan cerita-cerita hantu mengenai penggunaan IT dan komputer. Maksud saya, semasa kita melagu-lagukan budaya IT hidup kita selama kita menggerakkan, menimbulkan minat masyarakat untuk mencintai IT dan komputer, semasa kita melaung-laungkan Koridor Raya Multimedia kita juga juga melaung-laungkan cerita hantu yang menakut-nakutkan. Dengan cara ini rakyat

akan menjadi tidak yakin tentang teknologi baru. Sudahlah perkara itu baru dan mereka tidak berapa faham, cerita pula perkara-perkara yang teruk, yang menakut-nakutkan. Maka ini tidak ada perseimbangan.

Oleh kerana itu saya menyeru supaya pihak RTM khususnya dan pihak siaran media sama ada media cetak ataupun media elektronik secara umumnya kalau dapat pihak kerajaan bantu dan kawal kemudian membuat garis panduan. Maka perkara ini tidak perlu di‘highlight’kan. Kita patut mengikuti satu pendekatan, didedahkan dahulu timbulkan minat dan jatuh cinta dahulu kemudian diamalkan dan apabila sampai ke satu peringkat amali kalau kita hendak tahu perkara-perkara yang rumit, yang menakutkan, yang kompleks dan sebagainya, saya ingat masa itu iman kita sudah kuat dalam bidang ini dan kita tidak takut lagi. Datanglah hantu, syaitan, jembalang pun kita tidak risau lagi dalam bidang ini. Saya rasa ini patut ditekankan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Stephen Laxi dalam bukunya dengan izin, *‘Huge of the computer revolution’* telah menyenaraikan tentang perkara-perkara, tentang ancaman ‘penggodaman’ ini. Jadi kalaularah bidang-bidang ini diberi perhatian hanya oleh orang-orang yang mahir dan yang mahir ini memberi nasihat kepada mereka yang lain barulah perkara ini saya rasa agak lebih terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ‘Kementerian Komunikasi dan Multimedia’ yang baru-baru ini dilaporkan dalam akhbar akan diwujudkan oleh pihak kerajaan. Saya ingin mendengar penjelasan daripada pihak menteri apakah perancangan sebenarnya? Setakat yang diketahui adalah gabungan sedikit sebanyak daripada Kementerian Penerangan dan juga Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Usaha ini amat baik kerana menunjukkan bahawa kita membuat pertukaran selaras dengan penubuhan Koridor Raya Multimedia yang hendak didedahkan dan jualkan kepada dunia. Ini amat baik tetapi saya rasa agak sangsi dalam keadaan yang sama baru-baru ini saya mendengar kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengatakan bahawa - pemegang saham dalam syarikat-syarikat telekomunikasi sudah pun diizinkan sehingga tahap 61%, yang lainnya masih tahap 49% tetapi dalam bidang telekomunikasi boleh sampai 61%.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tekankan ini ialah saya merayu supaya pihak kerajaan mengkaji semula keputusan ini kerana on one hand, dalam satu cara, dalam satu sudut dikatakan industri ini adalah amat strategik kepada negara kita. Media adalah kuasa dunia untuk kita menguasai dunia dan sebagainya yang berkaitan. Tetapi di samping itu kita juga memberi peluang untuk orang luar menguasai 61% pegangan saham. Ini erti, dia boleh membuat apa sahaja dalam bidang telekomunikasi kecualilah ada check point yang lain mengenai undang-undang yang lain tetapi kalau sudah kita beri pegangan begitu, saya rasa adalah amat susah untuk kita menguasai apa yang hendak dibuatkan di dalam bidang telekomunikasi yang serentak bertukar begitu cepat, kalau kita tahu dia bertukar begitu cepat bagaimana hendak kita kawal kalau sudah dia mempunyai kekuasaan yang begitu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini amat penting kerana mengikut laporan dalam bidang maklumat dan hiburan sahaja jumlah sebanyak US\$350 bilion akan dibelanjakan dalam bidang ini. Oleh kerana itu dan ini kalau kita tukar kepada RM1,400 trilion - hanya dalam bidang maklumat dan hiburan sahaja. Kalau dalam bidang maklumat dan hiburan sebanyak ini oleh itu sudah tentu, macam dengan gula - semut akan datang. Mereka akan datang menguasai kerana kalau sudah dapat tapak yang amat baik. Tapak Koridor Raya Multimedia amat baik, insentif yang amat baik mereka memang akan menggunakan tapak ini untuk menawan kita dan menguasai di tempat lain. Jadi kita hendaklah selaraskan perkara-perkara yang strategik ini supaya tidak bercanggah dan akhirnya yang saya takut sekali ‘kita menang sorak tetapi kampung tergadai’.

Tuan Yang di-Pertua, dalam buku terakhir yang diterbitkan dalam tahun ini juga tahun 1998 yang diberi nama ‘*Highway Man*’. ‘*Highway Man*’ ini sebenarnya ialah orang-orang yang bergerak pantas dalam bidang maklumat dan hiburan kerana pasarananya besar. Ia telah pun memberikan apa yang dipanggil dengan izin, the Tenth Commandment of the information age, dengan erti ‘commandment’ ini sepuluh rumpun yang perlu diikuti untuk menangani dunia maklumat. Jadi ini saya katakan bahawa pihak-pihak yang berkenaan umpamanya - saya tegur sedikit kementerian yang berkenaan, pegawai-pegawaiannya dan mana-

mana sahaja kementerian yang relevan, yang berkaitan patut sekurang-kurangnya mendapatkan buku yang terakhir ini, penerbitan tahun 1998 yang boleh diberi maklumat lanjutnya separately supaya dapat dijadikan pedoman supaya kita selaras atau pemikiran yang sama dengan orang-orang luar dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh perkara ketiga iaitu reformasi pendidikan. Perkara pertama saya hendak sebut tentang sedikit perdebatan, pertukaran fikiran di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru bercakap sebelum daripada saya tadi. Dalam perbincangan tadi menyebut sekolah bestari tidak perlu sebab patut diselaraskan, bagi sama rata, tidak hendak bezakan di antara luar bandar, dalam bandar dan sebagainya. Saya dengan penuh ikhlas dan penuh keyakinan bahawa pendapat seperti itu agak tidak tepat. Saya merasakan bahawa perancangan kerajaan mewujudkan sekolah bestari adalah amat tepat sekali kerana ini selaras (complement) dengan pembangunan Koridor Raya Multimedia, pembangunan teknologi maklumat yang berlaku di dunia. Kita akan terus ketinggalan kalau sekiranya tidak menyediakan generasi masa hadapan dengan kaedah yang sama. Bab perkara seimbang atau tidak saya ingat tidak menjadi persoalan kerana dalam bidang kehidupan kita sama ada kita mengurus keluarga, mengurus syarikat, mengurus kerajaan. Ada perkataan mengatakan keutamaan (priority). Pemikir Islam Sheikh Yusof Al-Qardawi sendiri dalam bukunya '*Al-Fiqh*' (keutamaan) - '*Fiqh'ul Aulawiyah*', juga menekankan tentang perkara ini. Oleh kerana itu kita boleh mengatakan 90 buah sekolah ini diberi keutamaan, yang lain boleh mengikuti dengan cara yang baik.

Saya percaya dengan pengurusan yang baik, dengan penyelarasan yang baik semuanya akan didedahkan kerana yang belum dapat akan 'dahaga' dengan perkara-perkara yang baru. Oleh kerana itu ini sendiri akan menimbulkan minat untuk sekolah-sekolah lain mengikuti. Betul soal kewangan adalah menjadi punca utama tetapi tidak semestinya pendapat yang mengatakan kita memerlukan wang yang sebanyak itu untuk memulakan sekolah bestari. Saya beri contoh, kalau kita mengatakan wang banyak untuk purata tiap-tiap kanak-kanak sekolah satu komputer. Itu wang banyak, katalah... saya tidak tahu berapa banyak. Katalah RM100 juta sebagai contoh tetapi kalau hendak kurangkan kita katakan lima

kanak-kanak untuk satu komputer atau sepuluh kanak-kanak untuk satu komputer. Cuma pendekatannya lain. Mungkin susah sedikit cara kita hendak menguruskannya, we cannot take it easy, dengan izin. Tetapi itulah cabaran yang mesti kita hadapi hendak memanfaatkan dengan maksimum banyak mana peruntukan kewangan yang kita ada. Itu permulaannya.

Perkara lain, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tekankan ialah dalam banyak reformasi pendidikan yang telah dibuat dan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan amat menggalakkan sekali, saya ucap tahniah. Saya cuba ingin berkongsi pendapat, meminta dan menyeru supaya Kementerian Pendidikan memberi penekanan ialah tentang kawalan mutu pendidikan institusi pengajian tinggi swasta itu sendiri. Sebab kalau kita sudah menjemput orang luar datang ramai-ramai dan hendak kita jadikan pusat kecemerlangan pendidikan. Niatnya baik tetapi kalau sudah terlalu ghairah untuk mewujudkan institusi-institusi ini kita akan mendekati sebagai satu negara lain yang terlalu banyak institusi pengajian tinggi tetapi tidak pun diiktiraf sangat dari segi mutunya. Inilah saya rasa perkara-perkara yang mesti diberi perhatian supaya tidak ketinggalan.

Seperkara lain ialah tentang penggunaan bahasa Malaysia dan juga pengajaran etika dan agama dalam institusi-institusi pengajian tinggi. Kalau sekiranya sudah menarik orang lain datang belajar ke sini sebagai centre of excellence, amat baik sekali tetapi dalam soal yang sama bagaimakah kita hendak menentukan bahawa tamadun kita, budaya kita juga diserapkan oleh penuntut-penuntut ini kerana penuntut-penuntut ini akan menjadi bakal rakan kongsi perniagaan masa hadapan. Mereka akan dapat menghormati Malaysia sepetimana insya-Allah kita sekarang ini dapat menghormati United Kingdom, USA, Australia, New Zealand dan sebagainya dalam bidang pendidikan.

Saya rasa kalau perancangan strategik yang baik dibuat dapat dimanfaatkan dengan usaha kita dalam bidang-bidang yang lain khususnya dalam bidang-bidang teknologi maklumat yang saya sebutkan tadi sebagai contoh. Dalam usaha ini bagaimana pula hendak diselaraskan pendidikan bestari yang berlaku di sekolah, ada perancangan yang khusus 90 buah sekolah umpamanya untuk tahun ini. Tetapi saya tidak dengar lagi tentang pendidikan bestari di institusi-institusi pengajian

tinggi. Apakah institusi-institusi pengajian tinggi tidak perlu kepada elemen bestari ini. Sekurang-kurangnya kita ingin mendengar apakah perancangannya? Saya tahu ada universiti-universiti yang ada fakulti-fakulti yang tertentu tetapi dari segi keseluruhananya saya ingat patut dibuat perancangan (guide) menyeluruh supaya diselaraskan daripada sekolah sehingga ke institusi-institusi pengajian tinggi dari segi elemen bestari.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendidikan dewasa ataupun desakan pendidikan tua/adult education, dengan izin. Saya rasa perkara ini amat mustahak sekali dan kalau kita boleh kempen budaya IT hidup kita saya ingat patut juga kempen budaya belajar dewasa atau budaya belajar tua. Saya rasa ini amat mustahak sebab kita masih tidak mempunyai elemen-elemen, ciri-ciri yang baik, kalau hendak kita mewujudkan apa yang dipanggil masyarakat maklumat. Masyarakat ini dianggotai oleh kanak-kanak yang besar, yang remaja, yang tua, yang lama dan sampai ke akhir hayat.

Saya rasa ini amat selaras dengan ajaran agama Islam. Nabi Muhammad s.a.w. menuntut supaya umat Islam belajar sehingga ke liang lahat, dia juga menuntut dalam hadis Nabi supaya belajar sehingga ke negeri China. Mengapa ke negeri China? Mengatakan bahawa ke mana pun kita patut belajar dan memang ada banyak ilmu yang boleh kita dapat dari negeri China. Dan ini adalah simbolik supaya masyarakat umumnya tidak kira bangsa dan agama patut terus belajar kerana hanya dengan mewujudkan suasana belajar ini, the learning mentality, the learning environment, dengan izin baharulah dapat kita berjaya dalam mewujudkan budaya IT, masyarakat maklumat dan status negara maju yang kita cakap itu. Saya rasa inilah the key point, dengan izin benda-benda wajib yang mesti kita lihat dan tentukan supaya kita selaras membangun, kalau tidak kita maju dalam beberapa bidang tetapi kita ketinggalan dalam ciri-ciri yang lain. Dan ini juga tidak baik dan tidak akan ke mana juga akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan dana kewangan RM100 juta yang telah diumumkan itu untuk kemudahan belajar mungkin tidak cukup, saya rasa kalau dibuat congak mungkin hanya boleh belanja dalam masa 2 tahun pembelajaran sahaja. Oleh kerana itu kita cadangkan supaya dapat di tingkatkan dana ataupun

kemudahan kewangan yang disebutkan supaya dapat dimanfaatkan oleh orang ramai. Dan kalau baiknya institusi swasta sendiri di antara tugas sosial yang boleh dilaksanakan ialah untuk mewujudkan kemudahan kewangan untuk kaum dewasa ini.

Selalu kita lihat pada kanak-kanak sahaja kita hendak beri pertolongan, jadi perancangan untuk menjalankan tanggungjawab sosial kepada saya, ini merupakan satu bidang yang ia boleh menolong orang tua. Dengan keadaan yang begitu kita akan dapat menggalakkan kanak-kanak kita, remaja kita yang menghadapi gejala sosial supaya mereka melihat bapa aku, datuk aku, bapa saudara aku pun belajar, jadi mengapa aku ‘waste time’. Ini yang saya kata, kalau mereka melihat orang lain dia relax, dia kata, “Bila sampai umur 55 tahun atau sebagainya dia kena rehat”. Saya rasa penyakit masyarakat yang kita tidak sedar inilah yang patut kita perhatikan sebab hendak belajar yang jahat, yang tidak elok, senang virusnya, virus negatif amat senang untuk hidup tetapi virus positif amat susah untuk hidup. Oleh kerana itulah yang susah itu kita hendak beri tumpuan dan penekanan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya datang kepada perkara yang keempat iaitu mengenai infrastruktur diteruskan walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi. Amat baik dan saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana mengambil langkah yang amat strategik. Saya juga hendak turut membahas tentang bab air ini sebab saya faham sedikit dan dalam Dewan yang lalu pun saya ingat Yang Berhormat Datuk di depan pun secara kebetulan saya ingat masa itu saya cakap tentang hal air. Hanya satu saya hendak ambil angle lain sedikit kali ini.

Dalam majalah *Asia Week* keluaran 1 Mei, diberi data yang agak mengejutkan, pada saya mengejutlah, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat pun sudah mengetahui, sama ada kita sedar ataupun tidak mengikut source excerpt 1995, dalam *Asia Week* ini, dalam tajuk ‘A gift from the God’ mengenai air ini, di antara negara-negara Hong Kong, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, mengikut statistik ini, Malaysialah yang menjadi juara mengguna air yang paling banyak sekali. Dan mengikut maklumat ini kegunaan harian purata oleh seorang di Kuala Lumpur ialah sebanyak 222 liter, kalau dibandingkan dengan Hong Kong

111 liter sahaja. Ertinya orang Malaysia guna air dua kali ganda lebih banyak daripada orang Hong Kong, tetapi kalau kita tengok orang Hong Kong hebat, bergerak macam semut, aktiviti ekonominya banyak, hebat. Ertinya kita menggunakan air dengan membazir. Jadi ini point yang saya hendak sebut, yang lain saya tidak payah analisalah.

Dan yang paling menarik ialah perbezaan dengan Hong Kong dan untuk maklumat di Singapura oleh kerana jiran kita, kita minat sikit banding dengan ia kerana ia bukan besar sangat. Sebenarnya Singapura ini hanya sebesar, saya tak sebut tadi, Multimedia Super Corridor sebab kalau air surut ia lebih kecil daripada Multimedia Super Corridor, sebab Multimedia Super Corridor 750 square kilometer, ia lagi kurang dari itu. Singapura ini ia pakai 168 liter seorang, itu sahaja orang Singapura, dia disiplin kuat sebab dia tahu dia dapat air dari Malaysia. Dan oleh kerana keadaan kita menganggap, kita membuat andaian yang automatis bahawa air ini seolah-olah mencurah pemberian tuhan, it's come abundant, it is not a scares resource, dengan izin. Kita ingat ia itu datang mendadak naturally dengan biasa dan andaian inilah yang saya rasa salah dan saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan kerana alhamdulillah kali ini nampak Majlis Air Negara akan come into reality, walaupun saya tahu sejarahnya begitu panjang sekali. Nampaknya kita, orang Malaysia bila didedahkan dengan kejutan sehingga kita boleh mati baru kita boleh terima sesuatu yang baik dan ini saya rasa satu budaya yang tidak begitu sihat. Oleh kerana itulah kalau kita sentiasa bergelumang dengan maklumat kita lebih prihatin tentang keperluan Majlis Air Negara ini yang patut diwujudkan, saya tidak ingat sejak tahun berapa, saya ingat dalam akhir tahun 80-an, saya ingat mula-mula sekali.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta laluan ya.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat tentang perbanding penggunaan air yang dibuat oleh *Asia Week* antara orang Hong Kong dengan orang Malaysia, saya tidak bersetuju dengan pendapat ini kerana kita mempunyai cara dan budaya kita sendiri. Walaupun kita setuju pembaziran air ini adalah sesuatu yang merugikan bahkan dalam agama kita pun

melarang kita membazir tetapi dari segi budaya dan agama kita tidak boleh kita samakan dengan orang Hong Kong. Jadi, kalau kita hendak ambil statistik ini dan pakai pakaian orang lain bahawa orang lain membazir dari segi bilangan air yang kita gunakan, saya rasa ini kita keliru.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih, satu pendapat, saya akan teruskan dengan perbahasan, saya tidak mahu jawab yang itu. Seperkara lagi yang saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai wujudnya mengikut apa sudah saya baca sebanyak 19 agensi kerajaan yang ada kena-mengena dengan bab air ini. Sebenarnya saya pun fikir panjang apa yang menjadi masalah sangat, yang lain sudah sebut tetapi ini saya hendak tambah sedikit oleh kerana wujudnya keadaan 19 agensi kerajaan yang ada, kena-mengena dengan air ini, inilah yang hendak menimbulkan kejutan. Ini patut ditekankan di 'highlight'kan kerana dari strukturnya sudah betul, solutionnya ertinya wujud Majlis Air Negara. Saya dengar Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, soalnya ialah bila sudah wujud Majlis Air Negara mengikut yang kita ikuti, Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar sekarang sedang berbincang dengan pegawai-pegawaiannya untuk mendapat laporan terkini dan sebagainya.

Saya ingin sarankan di sini, supaya dalam keadaan begini approach tradisi seperti mendapat laporan daripada pegawai kepada Menteri Besar dan terus ada perbincangan di Mesyuarat-mesyuarat Menteri-Menteri Besar baik, betul boleh buat, boleh diulangkan tetapi yang saya rasa lebih penting sekarang ini, oleh kerana kita tahu data-data dan maklumat itu datang begitu banyak sekali, berselerak dalam bentuk yang berlainan dan kalaulah kita pejam mata, dan fikir kita tinggal di situ, macam mana hendak menguruskan ini, amat terlalu kusut dan kalau boleh kita bayangkan satu keadaan kekusutan, cuba bayangkan bagaimakah kemungkinan sistem yang kita hendak wujudkan dan solution yang kita hendak keluar. Di sinilah yang saya cuba hendak tekankan, berpeluang untuk teknologi tercanggih dapat dimanfaatkan di peringkat Majlis Air Negara kerana kita akan didedahkan oleh banyak maklumat kalau didedahkan dengan maklumat-maklumat yang datang dari 11 atau 13 unsur yang masing-masing ada 13 agensi yang berlainan didarabkan

dapat banyak, saya takut akhirnya kita sebenarnya tidak menepati sasaran dari segi nilai solution ataupun jawapan itu sendiri.

Jadi saya ingin utarakan di sini sebab inilah peluang terbaik untuk menggunakan teknologi tercanggih bagi menguruskan hal mengenai air yang amat mustahak ini. Saya ada contoh-contoh yang tertentu tetapi tidak payahlah saya beri contoh setakat menyebut the need, to create the need, untuk menunjukkan keperluannya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkit di sini masalah air yang begitu runcing, dari pengalaman saya sendiri baru-baru ini. Pengalaman yang saya boleh cerita sebenarnya tidak begitu mustahak yang lebih mustahak, mesejnya ialah kerana perkara ini berlaku di Lapangan Terbang Subang baru-baru ini pada hari Ahad yang lalu. Atas urusan rasmi dan peribadi, saya pulang dari luar negeri bersama-sama dengan orang luar negeri, sampai 15 minit tunggu, hendak turun kapal terbang, dan hamba Allah pilot ini pula memberitahu mungkin dia dengan cara hendak berseloroh (joke), berjenaka kata dia “oh! mereka ini tak ready dengan kita sebab dia take a morning nap”. Jadi, pertama rakyat asing mendapat satu imej, first come first impression is the last impression, dengan izin.

Kedua, saya baru tadi bercakap dengan megahnya tentang KLIA Sepang yang baru, kemudian ditunjuk pula video, very impressive sekarang dan kemudian apabila kita turun ke Lapangan Terbang - panas, terlalu amat panas sebab air tidak ada, bila tanya sudah 3 hari tidak ada. Akhirnya kita terpaksa kena ziarah oleh kerana desakan natural, kita kena ziarah di bilik rehat dan di sinilah satu keadaan yang paling memalukan. Pada saya ini, maksud saya dengan secara direct, terlalu amat kotor, busuk dan sebagainya dalam bilik-bilik rehat yang saya sebutkan ini. Berapa banyak sangat bilik rehat, soalnya sekarang ialah syarikat yang bertanggungjawab Syarikat Malaysia Airport Berhad bila kita usik tanya dia pun salahkan Jabatan Bekalan Air, semua Jabatan Bekalan Air. Pada saya, kalau dalam suasana begini syarikat yang berkenaan lebih patut bertanggungjawab untuk mencari tankersnya sendiri, pergi cari macam yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi, sekurang-kurangnya supply untuk bilik air itu, ini maksud saya dan ini berlaku pada hari Ahad yang lepas. Kita bercakap, baru sahaja tengok video KLIA, apa

akan jadi pada KLIA kalau sekiranya syarikat yang sama akan manage, tidak ada bezanya. Mungkin excusenya sekarang ialah sekarang kita sibuk memindah kalau itulah dijadikan excuse kita masih dapat hajat kerajaan kita yang baik ini.

Dengan tekanan ramai orang hendak datang hendak melawat airport kita, saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun saya tahu memberi fokus kepada hal ini. Saya pernah dengar cerita dia dulu, kalau kapal terbang disalut emas pun tetapi kalau akhirnya kita hendak melawat ‘bilik kecil’, ‘bilik kecil’ itu teruk, hilang emas, tidak ada lagi nilai emas sekalipun kalau seluruh kapal terbang dibalut dengan emas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkit pula mengenai bab paip bocor 40% di seluruh negara yang disebut dulu. Tapi sekarang, saya hendak beri kajian dengan lebih teliti sedikit. Kita banyak mendengar selalunya kita sebut, pihak akhbar, pihak kerajaan yang bertanggungjawab bercakap tentang hendak mewujudkan dam dan treatment plant yang banyak dan menghendakkan berjuta-juta ringgit dan sebagainya. Tapi yang kita kurang mendengar ialah tentang bab paip pecah yang sekarang ini mungkin secara sabotaj atau secara kebetulan, lebih banyak pecah sekarang ini daripada dahulu. Tapi, statistik yang ingin share di sini ialah kalau di negeri Selangor sendiri pada 1997 dianggarkan 40%, 10% daripadanya ialah kerana kurang baca (under reading), bacaannya kurang betul 30% yang rosak tetapi mengikut perkiraan yang telah dibuat oleh sumber yang boleh dipercayai pengeluaran ialah sebanyak 2550 milion liter tiap-tiap hari. Kalau 30% yang saya sebut tadi, rugi begitu sahaja ini bererti 765 milion liter tiap-tiap hari. Kalau dapat kita save sahaja 10% daripada ini sebenarnya kita boleh save sebanyak 215 milion liter tiap-tiap hari. Ini sama banyak yang saving itu, yang 215 itu sama banyak dengan kebolehan kita untuk memberi perkhidmatan kepada 250 ribu orang pengguna. Sebenarnya bilangan ini adalah lebih daripada kekurangan 105 milion liter tiap-tiap hari dan lebih ini ialah sebanyak 100%. Point yang saya hendak sebutkan ialah dengan penjimatan (saving) yang sedikit telah mendapatkan manfaat yang berlibat kali ganda lebih daripada pengeluaran yang asalnya. Jadi, pada saya inilah peluang terbaik untuk Majlis Air Negara, umpamanya menjalankan satu perancangan raksasa untuk menukar paip-paip lama

yang beratus tahun ini, sebab pengkhususan kepada kebocoran akan mendatangkan manfaat yang berlipat kali ganda yang telah saya buktikan melalui statistik tadi, satu. Kedua, masanya cepat, cepat dari segi relatifnya,, ertinya lebih cepat untuk mengganti paip daripada untuk membina empangan yang lain, ini point saya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kelima yang saya hendak sebut ialah mengenai perumahan. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini yang lagi sekali telah mewujudkan skim khas perumahan kos rendah dan sederhana. Kebetulan Timbalan Menteri Perumahan pun ada depan saya timing pun perfect, dia pun boleh dengar direct bukan in direct , yang RM1 bilion ini dan saya rasa penekanan ini dalam masa kegawatan ekonomi amat menyakinkan dan amat membanggakan kerana rakyat terlalu frust dengan air dan frust dengan hal-hal lain. Frust ini maksud saya. Jadi, bila ada cerita-cerita baik yang begini yang juga dapat menawan hati mereka mengenai keperluan asas, saya rasa ini adalah satu langkah yang amat bijak sekali.

Saya pergi kepada tajuk Syarikat Perumahan Negara. Kita dengar pengumuman tapi kita tidak tahu detailnya mengenai Syarikat Perumahan Negara ini, langkahnya amat baik sekali. Tetapi oleh kerana ianya syarikat, tapi saya tidak dengar pula tentang Majlis Perumahan Negara. Sebab kalau kita tengok komoditi air kena ada Majlis Air Negara untuk menyelesaikan masalah besar, masalah nasional. Bagaimana pula dengan perumahan, setakat yang saya tahu ada Jabatan Perumahan di bawah kementerian. Mungkin Jabatan ini sendiri boleh dijelaskan, difungsikan sebagai Majlis Perumahan Negara ala Majlis Air Negara walaupun tidak setahap itu. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil inisiatif untuk melaksanakan ini. Sebab, kalau mengikut tahap sekarang setakat yang saya fahamlah, fahaman saya yang cetek ini bahawa penyelarasannya dari segi perumahan di peringkat kebangsaan, di peringkat jabatan dan juga dengan negeri-negeri mungkin tidak pada tahap yang amat memuaskan. Masih ada terdapat ruang yang besar untuk dibaiki dan saya rasa kalau masyarakat melihat kesungguhan kerajaan bukan hanya setakat mengumumkan RM1 bilion, mengumumkan Syarikat Perumahan Negara tapi terus dilaksanakan ala masalah air, seiring pendekatan ini diberi manfaat di sini, pendekatan di sini dimanfaat

pula pada yang lain, saya rasa keyakinan rakyat akan dapat dikawal dan jangan kita perkecilkan tentang kesabaran dan keyakinan rakyat. Kerana rakyat mempunyai senjata untuk menunjukkan frustasi mereka bila sampai masanya. Oleh kerana itu kita patutlah berjaga-jaga dan berwaspada dan buatlah apa yang boleh agar rakyat tidak terasa kecil hati dan sayang kepada kita. Sayang kepada kerajaan dan sayang untuk hilang kuasa yang ada sekarang dan supaya mereka mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional mesti dipertahankan kalau tidak kita teruk. Kita ada jiran sebelah, telah menunjukkan contoh bagaimana frustasi boleh menimbulkan reaksi, saya tidak mahu komen banyak setakat menyebut perbandingan yang agak macam api, kecil dapat membakar dan menolong kita. Kalau sudah besar macam kebakaran di hutan, akan menjadi satu masalah yang terlalu amat besar yang tidak dapat kita kawal.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai pengeluaran makanan. Ini bab pertanian. Tadi juga telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz mengenai pertanian, mengenai MARDI khususnya. Saya amat bersetuju dengan perbahasan mengenai MARDI dan sebagainya, saya ingat is a perfect point. Jadi, saya tidak payah ulang apa yang disebut. Cuma yang saya hendak tambah ialah saya melihat MARDI sebagai satu institusi penyelidikan bolehlah kita andaikan sama dengan pusat institusi pengajian tinggi malah tanggungjawab institusi pengajian tinggi ialah penyelidikan, tapi MARDI diwujudkan hanya untuk penyelidikan ertinya tanggungjawab penyelidikan lebih lagi hebat. Saya rasa kelemahan kita ialah kita overlook **terhilang nampak**, saya tak tahu apa ya,....

**Seorang Ahli:** Terlepas pandang.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Terlepas pandang, terima kasih, jurubahasa ada di depan. Terlepas pandang tentang bab ini ialah tentang satu pendekatan untuk industri sendiri bekait rapat dengan institusi penyelidikan. Ini senang dilihat oleh negara-negara luar yang maju. Di Amerika Syarikat semua universiti ternama MIT, Harvard dan sebagainya bekait rapat sekali dengan industri jadi pada saya MARDI agak keseorangan dari segi aktivitinya. Oleh kerana ia keseorangan jadi hidup dalam dunianya sendirinya dia rasa memang dia sudah banyak, tapi ukuran

banyak itu hendaklah dikaitkan dengan keperluan di dalam masyarakat tempatan dan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat keseluruhannya. Saya rasa itu, anglenya sama kita nak rapatkan industri dengan universiti. Kita kena integerasikan industri dengan institusi pengajian supaya dapat apa yang diajar, dapat melahirkan manusia yang pasaran kehendaki sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada media massa, akhbar dan juga elektronik, TV dan sebagainya kerana dalam Dewan yang lepas, saya banyak membangkit hal ini. Akhir-akhir ini nampak banyak betul yang telah dibangkitkan tentang hal pertanian. Amat baik sekali. Yang saya hendak tekankan di sini ialah dalam masa kita menyeru keseluruhan sektor, rakyat dan juga swasta untuk mengambil bahagian yang banyak dalam bidang pertanian, saya rasa kerajaan juga hendaklah melihat pada dua perkara pokok yang patut diberi perseimbangan iaitu penyebaran maklumat dan galakkan sampingan, kerana kalau kita beri tumpuan kepada pertanian tapi dia memang dah di belakang ertinya tak begitu banyak cerita dulu, kita baru hendak dedahkan sekarang. Jadi, at the same time, pada masa sama hendak diberi keutamaan, jadi hendaklah diberi pengkhususan oleh Kementerian Pertanian supaya penyebaran maklumat mengenai pertanian hendaklah diheboh-hebohkan dengan cara yang tepat pada masanya dan kena pada sasarannya begitu juga dengan galakkan.

Saya ingin menyentuh tentang Dasar Pertanian Negara. Dasar Pertanian Negara, kalau mengikut kajian saya dah mula wujud tahun 1984, lapan tahun kemudian 1992 dah buat kajian, ada kajian. Sekarang saya dapati, saya difahamkan sedang dikaji lagi dan saya harap kajian ini merupakan kajian yang terkini kerana kajian yang dibuat dalam masa kita cemas, dalam masa kita didedahkan dengan terlalu banyak masalah.

Saya harap sesiapa sahaja kumpulan yang sedang mengkaji Dasar Pertanian Negara ini pertama janganlah kaji lama sangat.

Kedua kerana kita we are racing against time, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh tunggu, tetapi pada dasar pertanian yang paling unggul kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah kata, daripada

perancangan yang unggul, tak buat, lebih baik, perancangan yang tak lengkap tapi buat. Dan saya fikir, ini terlalu amat tepat sekali pendapat Perdana Menteri ini dan saya harap Kementerian Pertanian dapat membuktikan bahawa mereka lah yang boleh mengamalkan itu dahulu sebagai contohnya. Dan perkara penting yang patut diambil perhatian di sini ialah perkara pertanian ini hendaklah dinaikkan taraf, taraf penghormatan keseluruhan, supaya minda dan persepsi masyarakat terhadap pertanian ditingkatkan sama dengan IT kalau boleh dan masukan juga dalam perancangan Wawasan 2020. Kalau kita sudah sebut Koridor Raya Multimedia adalah satu program kerajaan untuk menentukan Wawasan 2020, masyarakat madani juga adalah program untuk menentukan masyarakat 2020, hendak juga sebut program tani juga dimestikan untuk menentukan Wawasan 2020. Walaupun Wawasan 2020 itu sendiri perlu dikaji dan mungkin diubah.

Petani moden. Saya ini dapat banyak ilham daripada rakan-rakan yang di hadapan, terima kasih banyak, nasib mereka ada, jadi saya pun boleh cakap sikit.

Tuan Yang di-Pertua, ini bab.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri peluang kepada orang lain yang hendak bercakap, ramai lagi yang hendak bercakap.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Ya, saya akan ringkaskan ini tuan Yang di-Pertua, dengan dua point lagi, sedikit sahaja. Saya hendak pilih yang mana hendak sebut.

Akhirnya saya hendak sebut tentang peranan arena antarabangsa yang begitu cemerlang yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin kita khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dianugerah dengan Doktor Kehormat Persuratan oleh Universiti AlAzhar, saya rasa ini satu kebanggaan kita dan menandakan bahawa pemimpin kita boleh mendapat pengiktirafan daripada universiti yang tertua di dunia mempunyai gedung ilmu yang amat hebat. Dan saya rasa oleh kerana kita merupakan negara Islam, yang orang negara-negara Islam lain memerhati kepada kepimpinan kita, saya rasa penganugerahan ini adalah amat simbolik sekali. Kita bersyukur kepada Tuhan atas kejayaan ini dan kita harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan dapat menunjukkan kehebatannya dalam dunia Islam yang telah pun dimulakan dengan beberapa usaha yang telah kita tahu.

Dalam peranan antarabangsa ini yang paling menarik sekarang ialah usaha untuk memperhebatkan peranan pemimpin kita dari segi perdagangan Selatan-selatan. Saya rasa ini amat

strategik sekali dan keseluruhan masyarakat, rakyat biasa dan juga swasta patut menyambut baik dan membuat sesuatu untuk menkomplimenkan usaha ini. Dalam masa yang sama pada bulan lepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri, seperti Yang Berhormat sebut tadi ataupun majalah di Amerika baru-baru ini sebut ‘the renaissance man’ telah bertukar menjadi ‘menacesance man’.

Baru-baru ini di Persidangan Antarabangsa Bank Dunia beliau telah menunjukkan prestasi yang begitu amat baik dan telah memberikan keyakinan kepada masyarakat perdagangan di Amerika Syarikat bahawa kita masih mampu menguruskan ekonomi kita. Dan yang paling menarik ialah dalam masa yang singkat beliau telah menjalankan usaha-usaha, beliau mempunyai sebelas mesyuarat yang berasingan dengan tokoh-tokoh perniagaan dan fund managers termasuk juga Soros. Saya rasa usaha ini amat simbolik kalau dulu kita rasa kita hentam Soros sebagai penyangak politik, sekarang penyangak politik yang sama telah mengikuti pandangan Perdana Menteri kita dan telah pun berjumpa, mendengar dan bertukar pendapat dengan Timbalan Perdana Menteri kita yang juga Menteri Kewangan. Saya rasa ini adalah satu petanda yang amat baik sekali.

Oleh kerana itu, kalau kita sudah menunjukkan prestasi yang begitu amat cemerlang di serata dunia, saya rasa adalah menjadi tanggungjawab rakyat biasa kita sekarang termasuk juga pihak swasta untuk terus bersama-sama dengan kerajaan menyokong segala usaha kerajaan, memberi penerangan yang betul kepada mana-mana penerangan yang salah supaya kita sebagai satu pasukan yang kuat dapat mengembalikan zaman kegemilangan kita, negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

#### **5.55 ptg.**

**Tuan Janggu Anak. Banyak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan sedikit berkenaan ekonomi kita, oleh kerana semenjak 10 tahun yang lalu kita amat kagum kerana ekonomi kita baik tetapi sekarang ini ekonomi kita telah meleset itulah punca kita di negara ini menghadapi masalah dalam bidang ekonomi. Oleh itu juga kebanyakan projek mega yang telah dibatalkan oleh kerana kegawatan ekonomi telah melanda di negara kita Malaysia ini. Oleh itu juga saya berharap bukan hanya projek mega tetapi peruntukan-peruntukan kepada tiap-tiap negeri pun telah dikurangkan.

Saya berharap kerajaan pusat berfikir oleh kerana negara kita telah mengalami kegawatan ekonomi tetapi kerajaan pusat boleh berfikir kerana negeri Sarawak telah ketinggalan dalam banyak pembangunan iaitu seperti yang patut dibina dalam tahun ini seperti jambatan yang menyeberangi Sungai Rajang iaitu Jambatan Durin. Jambatan itu telah dijanjikan akan dibina dalam tahun 1998 ini, tetapi oleh kerana kegawatan ekonomi kita, saya fikir pembinaan itu akan tertangguh. Saya merayu kepada kerajaan pusat menimbang semula oleh kerana jambatan itu adalah penting sekali untuk rakyat jelata di Sarawak oleh kerana jambatan itu hanya satu jambatan yang penting untuk kegunaan kenderaan-kenderaan dari Sabah hingga ke negeri Sarawak. Oleh kerana peruntukan telah diberi pada masa dulu iaitu daripada Kerajaan Pusat kepada negeri Sarawak sebanyak RM230 juta iaitu 37.5%

daripada peruntukan asalnya iaitu RM368.3 juta, ini bermakna kebanyakan peruntukan ini telah dikurangkan, saya berharap peruntukan ini boleh dipertimbangkan oleh kerajaan pusat untuk negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu juga saya membangkitkan Jambatan Durin yang dulu dianggarkan berharga RM142 juta setakat ini kepada RM9 juta. Mungkin ini tidak mencukupi, saya berharap oleh kerana jambatan ini penting sekali, patut kita fikirkan boleh dibina dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dari segi sektor pertanian. Kita di negeri ini banyak tanah yang luas yang tidak diterokai, dibiarkan sahaja tumbuh rumpai yang tidak diguna seperti lalang dan rumpai-rumpai lain. Sepatutnya Kementerian Pertanian mengambil perhatian serius, oleh kerana musim kegawatan ekonomi kita, kebanyakan barang makanan diimport dari luar negeri memakan belanja yang lebih.

Oleh itu saya merayu kepada Kementerian Pertanian mempercepatkan dan mencari jalan bagaimana kita boleh mengatasi kekurangan makanan dan mengurangkan import makanan dari luar negeri. Kita mengambil perbandingan, apakah sebab negara jiran seperti Thailand dapat mengeluarkan hasil makanan yang lebih daripada negara kita Malaysia ini. Sepatutnya negara kita lebih-lebih lagi negara kita Malaysia, bukan hanya di Semenanjung, tetapi di Sarawak dan Sabah kemungkinan boleh juga menampung pendapatan atau makanan kita daripada negara jiran itu.

Saya juga berharap Kementerian Pertanian telah mengarah untuk menggalakkan semua pihak menanam sayur-sayuran dan menggalakkan menanam pokok-pokok dan sebagainya. Ingin saya hendak tanya, adakah kementerian mempunyai benih-benih atau baja-baja yang mencukupi untuk diberi kepada petani-petani yang berminat ingin mencebur diri dalam menanam sayur-sayuran, buah-buahan untuk kegunaan kita sendiri.

Begitu juga selain daripada mengimpot ikan, nelayan-nelayan kita juga patut diberi perhatian yang serius, memberi mereka peruntukan yang lebih untuk menggunakan pukat laut dalam. Itu untuk menangkap ikan yang lebih banyak lagi.

Untuk pendapatan mereka yang lebih itu kita boleh ekspot keluar negara. Ini mungkin boleh membantu ekonomi kita pulih sedikit.

Di samping itu juga ada kawasan yang luas iaitu di pantai, di ‘coastal area’ boleh juga kita ternak udang galah, itu patut digalakkan. Banyak tanah terbiar tidak diguna patut diberi kepada nelayan atau petani yang berminat untuk membuat kolam menternak udang harimau. Udang harimau amat disukai oleh orang-orang luar negeri seperti Jepun yang suka makan udang harimau ini, harga udang harimau pun lebih lumayan. Di samping itu juga, ikan-ikan lain, ikan-ikan air tawar boleh juga kita pelihara ikan itu dalam kolam. Bukan setakat untuk makan sendiri di negara kita tetapi kalau lebih kita boleh jual keluar negeri.

Keluasan tanah yang besar, seperti di Semenanjung ini boleh digunakan untuk menternak lembu, kita boleh mendapat dagingnya. Oleh itu kita tidak perlu mengimport daging lagi dari India, Australia atau New Zealand oleh kerana negara kita mempunyai banyak tanah yang terbiar. Kementerian Pertanian patut memikirkan bagaimana kita hendak mengusaha ternakan lembu dan kambing biri-biri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai pendidikan. Pendidikan itu penting sekali untuk kita oleh kerana setakat ini kebanyakan orang-orang di pedalaman (luar bandar) masih belum mengetahui bagaimana mendapat maklumat-maklumat yang terkini. Oleh itu saya berharap Kementerian Pendidikan prihatin kepada mereka yang belum mendapat komputer di sekolah masing-masing. Dengan itu juga saya berharap Kementerian Pendidikan memikirkan dengan secepat mungkin bagaimana kita akan mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang guru lepasan maktab yang telah tamat latihan tahun lalu, kebanyakan guru-guru yang terlatih di Sarawak, setakat ini masih belum ditempatkan di sekolah masing-

masing. Ini telah dibangkitkan oleh guru-guru lepasan maktab di Negeri Sarawak, tetapi guru-guru lepasan maktab di Semenanjung sudah ditempatkan dan diagihkan mengajar di Negeri Sarawak. Oleh itu saya berharap Kementerian Pendidikan mengambil perhatian dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin menyentuh iaitu di Negeri Sarawak, kebanyakannya orang Iban, tidak lama lagi akan merayakan Hari Gawai iaitu pada 1 Jun tahun ini, oleh kerana kebanyakkan kakitangan atau guru-guru keturunan Iban tidak sempat bercuti masa itu oleh kerana cuti sekolah sudah ditukar kepada minggu ini. Saya merayu kepada Kementerian Pendidikan memikirkan supaya cuti pada 1 dan 2 Jun iaitu perayaan Hari Gawai patut diberi cuti kepada guru-guru yang berkhidmat di pedalaman dan di bandar untuk balik ke kampung masing-masing bagi merayakan tahun baru mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai pembekalan makanan ke sekolah-sekolah di luar bandar. Mengenai pembekalan makanan itu telah diumumkan oleh Kementerian Pendidikan iaitu untuk menjimatkan kos makanan dan saya telah difahamkan oleh guru-guru sekolah berasrama di pedalaman bahawa makanan telah dipotong dan pada hujung minggu murid-murid yang tinggal di asrama tidak diberi makanan. Mereka disuruh balik. Ini membebankan ibu bapa yang berpendapatan rendah.

Oleh itu, saya berharap kerajaan dan Kementerian Pendidikan boleh memikirkan tidak mengurangkan makanan tersebut. Kalau kita menghantar murid-murid balik ke kampung, itu akan memakan belanja dan tambang yang lebih besar dari mereka duduk di asrama itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin menyentuh juga dalam bidang kesihatan. Ini yang penting, oleh kerana kebanyakkan orang pedalaman juga apabila mengambil ubat-ubatan daripada klinik-klinik desa, kadangkala mereka

diumumkan tidak ada ubat yang mencukupi. Begitu juga juga saya berharap alat-alat mesin untuk penyakit asthma, kebanyakannya mereka yang menghidap penyakit asthma menggunakan mesin, di klinik desa di Julau daerah saya sendiri, mesin itu telah rosak dan tidak dapat digunakan.

Mereka telah memohon kepada Kementerian Kesihatan negeri tetapi jawapannya tidak mampu membeli alat-alat itu, tetapi saya merayu peruntukan kepada Kementerian Kesihatan agar mengambil berat kerana kebanyakannya mereka yang menghidap penyakit asthma menggunakan mesin itu untuk menarik nafas mereka. Oleh kerana kita lebih tahu pada masa dahulu terdapat kebanyakannya tempat yang berjerebu yang telah melanda di Sarawak dan kebanyakannya rakyat menghidap penyakit asthma, itulah punca penyakit asthma itu datang tetapi mesin itu tidak mencukupi. Saya berharap Kementerian Kesihatan mengambil perhatian di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Pejabat Imigresen. Oleh kerana kegawatan ekonomi kita, kebanyakannya mereka dari negara jiran kita akan datang tanpa izin ke negara kita ini, oleh itu saya berharap Immigration Check Point, dengan izin, patut diadakan seperti di Ulu Baleh iaitu sempadan dengan Kalimantan dan di Lubok Antu di Bahagian Sri Aman sepatutnya diketatkan oleh kerana sekarang ini kebanyakannya orang tanpa izin datang dari Kalimantan untuk mencari kerja di negeri Sarawak.

Mereka masuk dari sempadan itu tanpa kawalan, kebanyakannya mereka itu bekerja di kawasan membalaik dan tidak dapat kita control mereka. Saya berharap Jabatan Imigresen dan Kementerian Dalam Negeri mengambil perhatian dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya, saya ingin sekali lagi menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim.

#### **6.15 ptg.**

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dititahkan di Dewan yang mulia ini pada 23 Mac 1998. Saya dengan sukacitanya menyokong Titah Ucapan Baginda dengan sepenuhnya. Sehubungan dengan ini saya perturunkan pandangan saya ke atas beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha negara kita membangun menuju ke arah matlamatnya menjadi sebuah negara perindustrian baru, menjelang abad yang ke-21, bermacam-macam masalah telah timbul yang mana telah mengurangkan pertumbuhan ekonomi negara. Walaupun ianya pahit diterima, namun kita haruslah bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana nasib kita tidaklah seburuk seperti apa yang dialami oleh negara-negara lain.

Saya percaya ada hikmahnya di sebalik masalah-masalah ini, yang penting ialah kesedaran kita ke atas kelemahan dan juga mungkin kesilapan kita. Dari sini kita akan dapat mengkaji segala kelemahan dan kesilapan tersebut, sambil mengambil tindakan untuk menanganinya. Kita juga harus berjaga-jaga untuk masa yang akan datang dengan mengambil kira perkara-perkara yang mungkin berlaku dan menjelas usaha-usaha kita untuk membangun.

Sepertimana yang kita maklum, negara kita telah membangun dengan pesatnya dalam pelbagai bidang. Perhatian negara-negara asing telah tertumpu ke atas pencapaian negara kita. Tentu sekali ada negara-negara yang tidak senang

melihat kemajuan kita. Selain daripada unsur-unsur persaingan dan mungkin juga kuasa ke atas pergerakan ataupun arah kemajuan sesebuah negara oleh negara-negara besar di dunia ini, masalah yang timbul yang telah melanda negara kita seperti bencana alam memanglah tidak dapat kita elakkan. Tetapi kita telah diamanahkan oleh Allah S.W.T. supaya berusaha. Kita berusaha bukan sahaja pada waktu kita dilanda oleh masalah, tetapi kita juga harus berusaha dan membuat persediaan sebelum sesuatu perkara itu berlaku. Kita harus boleh menjangka masalah yang mungkin timbul, dengan izin, emerging crisis, seperti masalah yang telah kita alami iaitu jerebu, air dan juga mungkin masalah pendatang asing tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong segala usaha kerajaan menangani masalah kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia dan juga nilai saham di Bursa Saham Kuala Lumpur yang mana telah disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Usaha dan saranan kerajaan supaya rakyat Malaysia yang mempunyai harta dan simpanan wang di luar negara menjual harta-harta mereka dan membawa balik wang itu adalah dialu-alukan. Wang yang berjumlah RM20 bilion yang disimpan di luar negara sebelum krisis mata wang ini berlaku seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 12 Mei 1998 adalah begitu besar dan jika ianya dapat dibawa balik walaupun hanya separuh sahaja, ini sudah boleh meringankan keadaan kewangan negara yang mana adalah penting untuk membolehkan sektor perusahaan dan perniagaan meneruskan kegiatan mereka. Insya-Allah, ianya akan dapat memberi nafas baru kepada kegiatan ekonomi dalam negeri.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya satu formula dibuat untuk menggalak rakyat Malaysia membawa balik wang mereka dari luar negara.

Saya percaya rakyat Malaysia dari semua bilangan kaum sedar dengan tanggungjawab mereka terhadap negara selagi mereka masih hidup di bumi Malaysia ini. Dan apa yang penting dibuat oleh kerajaan ialah memberi jaminan kepada mereka bahawa mereka tidak akan diugut, disiasat dengan tujuan mencari mangsa ataupun diancam setelah membawa balik wang mereka itu kelak. Sepertimana yang kita maklum, masalah asas ekonomi kita sekarang ialah kewangan dan nasib rakyat kita adalah bergantung kepada keadaan ekonomi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah ikhlas dalam usaha kita menggalak mereka membawa balik wang mereka untuk menimbul kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap sistem perbankan negara dan bank-bank kita hendaklah menggunakan wang ini dengan cara yang lebih terbuka lagi iaitu, dengan izin, transparent.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan untuk membolehkan syarikat-syarikat besar menangani masalah mereka adalah wajar kerana dalam kemelutan ekonomi yang menyebabkan nilai saham di Bursa Saham Kuala Lumpur jatuh menjunam, banyak juga pembeli-pembeli saham yang terdiri dari rakyat biasa yang hanya bergantung kepada gaji terlibat sama dalam masalah tersebut, banyak yang telah mengalami kerugian. Masalah ini adalah masalah negara kerana dari rangkaian kegiatan syarikat-syarikat tersebut, kepentingan rakyat juga turut tergugat.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita maklum, masalah jerebu memang tidak dapat dielakkan kerana ianya disebabkan oleh fenomena El-Nino yang telah mengubah iklim di beberapa negara dan bagi kita di rantau ini ianya telah menimbulkan kemarau yang panjang sehingga hutan terbakar dan memburukkan lagi keadaan berjerebu.

Saya percaya masalah ini bukan sahaja telah memberi kesedaran kepada rakyat tentang pentingnya kita menjaga keadaan alam sekitar bahkan juga telah

memberi gambaran kepada kerajaan tentang persediaan yang harus dibuat untuk menempuhi masalah ini terutama sekali dalam kebakaran hutan dari segi tenaga pekerja, kapakan yang diperlukan dan alat-alat kelengkapan iaitu teknologi untuk mengatasi masalah tersebut.

Sehubungan dengan perkara ini juga Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kita mengalami musim kemarau terdapat banyak kawasan perumahan terutama sekali perumahan setinggan telah terbakar. Masalah yang telah timbul sewaktu kebakaran itu ialah kekurangan air untuk memadamkan api. Jadi, di sini inginlah saya sarankan, bukan sahaja untuk kawasan rumah setinggan tetapi untuk kawasan-kawasan perumahan yang lain terutama sekali kawasan perumahan pencakar langit dan juga kawasan perindustrian. Ianya perlu mempunyai satu takungan atau bekalan air yang cukup khas untuk tujuan memadam api ataupun memadam kebakaran supaya semasa waktu kebakaran kita tidak akan mengguna air yang telah diolahkan untuk diminum daripada digunakan untuk memadamkan kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya maklum, kita telah dilanda oleh masalah jerebu tanpa persediaan. Sehingga seperti mana yang kita maklum, pernah di dalam Dewan ini kita telah mencadangkan supaya Jabatan Bomba diberi tenaga pekerja yang lebih dan juga alat kelengkapan yang baik serta menambah peruntukan mereka. Kenyataan dan saranan ini menjadi kenyataan apabila pihak bombalah orang yang paling ke hadapan dalam menangani masalah kebakaran hutan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita harus juga berjaga-jaga dan membuat persediaan bagi menangani masalah musim hujan, bukan sahaja terhad kepada kawasan-kawasan yang kerap dilanda banjir, bahkan juga kawasan-kawasan lain yang diliputi oleh kegiatan-kegiatan pembangunan di mana terdapat banyak penduduk yang berada di kawasan sekelilingnya.

Saya percaya pakar-pakar perancang bandar kita lebih fasih dan arif dalam perkara ini dan janganlah ianya diambil ringan sahaja. Kita telah mengalami banyak bencana tanah runtuh yang disebabkan oleh hujan seperti bangunan yang tertimbas, jalan raya terputus dan sebagainya. Kita juga selalu melihat di dalam televisyen di mana negara-negara lain telah dilanda banjir besar yang melibatkan

kawasan bandar dan perumahan. Baru-baru ini di Italy, sebuah pekan telah dilanda oleh banjir lumpur. Banyak nyawa yang akan terkorban jika bencana seperti ini berlaku. Memang benar bencana alam tidak dapat dielakkan tetapi kerosakan yang timbul boleh dikurangkan dengan perancangan teratur dan persediaan untuk menempuh masalah yang mungkin timbul dari segi kepakaran dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah air yang dialami negara telah membuat kita berikhtiar mencari sumber air yang mungkin tidak dipandang berat sebelum ini. Ianya telah difikirkan tetapi tidak dipandang berat, seperti penyaluran air dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain dan juga sumber air dari bawah tanah termasuk juga pemberian awan. Kita mengucap tahniah kepada kerajaan kerana telah bertindak dengan cepat dalam menangani masalah yang timbul tetapi saya percaya banyak rakyat yang tertanya-tanya mengapaakah kebocoran paip air kerap berlaku seperti yang ditayangkan di TV kita. Adakah kejadian ini hanya berlaku sekarang dalam masa kita mengalami masalah air ataupun ianya memang perkara yang telah berlaku dari dahulu. Kalau ianya berlaku dari dahulu, kenapakah kawalan yang rapi tidak diambil terutama sekali bagi paip-paip yang pecah yang disebabkan oleh projek pembangunan di mana pihak-pihak kontraktor harus dipertanggungjawabkan di atas kejadian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memang wajar bagi pihak media mengemukakan masalah paip pecah ini tetapi janganlah ianya dibuat seolah-olah keadaan sudah tidak terkawal kerana ini akan mencerminkan satu gambaran yang buruk terhadap kerajaan terutama sekali dalam kita berhadapan dengan masalah air. Ini juga akan memberi publisiti yang merugikan bagi temasya Sukom yang tinggal hanya tiga bulan lebih sahaja sedangkan keadaan berjerebu telah juga digunakan oleh media asing untuk memburukkan temasya tersebut termasuk industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita sangat prihatin kepada keperluan dan kebajikan rakyat. Saya berharap projek serta peruntukan yang melibatkan rakyat jelata tidak dikurangkan. Salah satu daripada komitmen kerajaan kepada rakyat ialah pendidikan. Kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana negara kita maju dan pencapaian kita dalam pendidikan dan keperluan yang berkaitan adalah baik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pendidikan di negeri Sarawak, ingin saya ulangi di dalam Dewan yang mulia ini supaya usaha dibuat untuk memperuntukkan lebih banyak lagi guru dalam bidang Matematik, Sains dan Inggeris untuk sekolah-sekolah di pedalaman. Kita berusaha untuk memberi pendidikan kepada semua rakyat tanpa mengira dari masa kawasannya dan bagi kawasan yang saya sebutkan tadi di Sarawak, kawasan ini adalah kawasan-kawasan yang diduduki oleh rakyat yang kurang bernasib baik iaitu mereka yang miskin, maka dengan mengadakan lebih banyak guru dalam bidang Matematik, Sains dan Inggeris, peluang untuk anak-anak orang miskin membaiki pengetahuan dan pendidikan mereka adalah cerah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kerajaan sepertimana yang kita maklum telah berusaha untuk memberi pendidikan komputer kepada penuntut-penuntut di sekolah tetapi kemudahan komputer ini belum lagi sampai ke sekolah-sekolah di pedalaman. Bukan sahaja komputer yang belum sampai, bahkan bekalan elektrik pun tidak ada, kalau ada pun komputer mungkin ianya tidak dapat digunakan kerana tidak ada bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sidang yang lalu saya juga pernah menyentuh sedikit mengenai keadaan bangunan sekolah dan asrama di negeri Sarawak terutama sekali bagi sekolah-sekolah dan asrama di pedalaman. Keadaan sekolah ini dan asrama adalah tidak baik dan saya berharap walaupun keadaan ekonomi kita sekarang tidak begitu baik, peruntukan untuk membaikkan keadaan sekolah dan asrama ini tetap akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menyentuh apa yang telah disebutkan oleh saudara Yang Berhormat Janggu dari Sarawak tadi berhubung dengan masalah makanan di sekolah dan juga penuntut-penuntut disuruh balik di penghujung minggu kerana ianya telah diterangkan oleh beliau dengan panjang lebar tetapi apa yang ingin saya maklumkan di sini ialah berita itu nampaknya adalah berita yang benar dan kita berharap Jabatan Pendidikan akan mengambil tindakan untuk menimbang semula tindakan mereka sebelum ini iaitu mengurangkan bekalan makanan kepada sekolah-sekolah berasrama dan juga menyuruh murid-murid balik di penghujung minggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Pendek, seminit lagi. Tuan Yang di-Pertua, petang kelmarin Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah menyuarakan rasa kesal beliau ke atas tindakan Kesatuan Guru-Guru di Sarawak menyoal tentang persaraan Datuk Matnor Daim. Beliau juga kesal kerana perkara yang telah dipersetujui lebih awal lagi di antara pihak yang berkenaan telah di ‘politicise’kan. Sebenarnya kita di Sarawak mengucap terima kasih kepada Kerajaan Pusat atas perlantikan Datuk Matnor Daim sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan sebelum ini dan saya sendiri telah menyuarakan perkara tersebut di dalam Dewan yang mulia ini.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kuasa untuk memberi pangkat dan lain-lain adalah tanggungjawab kementerian berkenaan dalam konteks ini dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tetapi apa yang disuarakan oleh sesetengah rakyat Malaysia di Sarawak ialah cara berita dan kandungannya itu seperti yang diumumkan yang mana telah menimbulkan banyak persoalan. Ini telah membuat perkara tersebut diperdebatkan secara terkeluar dari perkara yang sebenarnya, dengan izin, ianya telah di blown out of proportion. Sebenarnya saya tidak berniat untuk membangkitkan perkara ini lagi tetapi untuk meleraikan suasana dan persepsi pihak-pihak yang tertentu, saya terpaksa menyentuh perkara ini sekali lagi. Walau bagaimanapun saya berharap perkara yang sudah berlaku itu tidak akan diulangi dan biarlah ianya menjadi satu pengajaran kepada kita demi kemakmuran dan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa sudah tidak mengizinkan lagi, dengan ini saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis mesyuarat ditangguhkan kepada hari Isnin jam 2.30.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*

